

VOTE NO : 75099

**KAJIAN KESEDARAN MAHASISWA TERHADAP PERANAN DAN
TANGGUNGJAWAB MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)
SEBAGAI WAKIL PELAJAR DI UNIVERSITI TEKNOLOGI
MALAYSIA, SKUDAI**

**HAMIDAH BINTI AB. RAHMAN (K)
DR NIK HASNAA BINTI NIK MAHMOOD
DR ROZEYTA BINTI OMAR
SALWA BINTI ABDUL PATAH
ROZIANA BINTI SHAARI
LILY SURIANI BINTI MOHD ARIF**

**JABATAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
FAKULTI PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER
MANUSIA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

2004

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah kerana dengan keizinanNya Kajian Kesedaran Mahasiswa Terhadap Peranan dan Tanggungjawab MPP sebagai Wakil Pelajar di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berjaya disiapkan. Kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada Hal Ehwal Pelajar UTM di atas kerjasama yang diberikan dan juga kepada semua pihak yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung dengan kajian ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) UTM di atas pembiayaan kajian ini.

Ketua Penyelidik:

Hamidah binti Ab. Rahman (K)

Penyelidik:

Dr. Nik Hasnaa Binti Nik Mahmood

Roziana Binti Shaari

Dr Rozeyta Binti Omar

Salwa Binti Abdul Patah

Lily Suriani Binti Mohd Arif

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesedaran mahasiswa terhadap peranan dan tanggungjawab MPP. Terdapat tiga objektif kajian iaitu mengenalpasti tahap kesedaran mahasiswa terhadap MPP dari segi kewujudan, peranan dan tanggungjawab; mengenalpasti persepsi mahasiswa terhadap hak mengundi dalam pilihanraya kampus; dan mengenalpasti persepsi mahasiswa terhadap proses pilihanraya kampus. Seramai 429 orang mahasiswa yang mewakili sepuluh buah fakulti di UTM Skudai telah di pilih sebagai responden melalui kaedah persampelan rawak mudah. Data yang dikumpul diproses menggunakan perisian *Statistical Package For Social Sciences (SPSS)* dengan menggunakan peratusan dan kekerapan. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kesedaran mahasiswa terhadap kewujudan serta peranan dan tanggungjawab MPP adalah sederhana. Ini bermakna pihak MPP dan universiti perlu mempertingkatkan kesedaran pelajar terhadap MPP. Di samping itu, persepsi mahasiswa terhadap proses pilihanraya juga adalah sederhana. Oleh itu masih banyak lagi ruang yang perlu diperbaiki bagi memastikan proses pilihanraya berjalan dengan teratur dan telus.

ABSTRACT

The aim of this studies is to identify undergraduates' awareness towards MPP roles and responsibilities. The three objectives of this studies are to identify the level of awareness among undergraduates from three perspectives namely existences and roles and responsibilities; to identify undergraduates' perceptions about their rights to vote in campus election; and to identify undergraduates' perceptions about campus election process. 429 undergraduates from ten faculties were selected as respondent using a simple random sampling method. Data collected is analysed by using Statistical Package for Social Sciences (SPSS). Descriptive statistic such as frequency, mean and percentage is used to explain the data. Findings show that undergraduates' awareness towards MPP's existence, roles and responsibilities is at a moderate level. This means, MPP and UTM should find ways to further improve the undergraduates' awareness regarding MPP. Furthermore, findings also indicate that the undergraduates' perceptions about the election process is also at a moderate level. Therefore, there are still rooms for improvements in order to ensure a more organized and transparent election.

KANDUNGAN

PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI SINGKATAN	x

BAB I	:	PENGENALAN	MUKA
--------------	----------	-------------------	-------------

SURAT

1.0	Pengenalan	1
1.1	Pernyataan Masalah	3
1.2	Persoalan Kajian	5
1.3	Objektif Kajian	5
1.4	Matlamat Kajian	5
1.5	Kepentingan Kajian	6
1.6	Skop Kajian	6
1.7	Batasan Kajian	7
1.8	Definisi Konseptual dan Operasional	7
	1.8.1 Mahasiswa	
	7	
	1.8.2 Kesedaran	7
	1.8.3 Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)	8

BAB II	:	KAJIAN LITERATUR
---------------	----------	-------------------------

2.0	Pendahuluan	9
2.1	AUKU dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)	9
2.2	Struktur Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)	11
	2.2.1 Motto	12

2.2.2	Tema	12
2.2.3	Dasar-dasar MPP	12
2.2.4	Matlamat MPP	12
2.2.5	Peranan MPP	13
	2.2.5.1 Jabatan Kebajikan Pelajar	13
	2.2.5.2 Jabatan Akademik dan Kerjaya	13
	2.2.5.3 Jabatan Pentadbiran dan Hubungan Luar	14
	2.2.5.4 Jabatan Penerbitan dan Multimedia	14
	2.2.5.5 Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan	14
	2.2.5.6 Jabatan Aktiviti	15
2.2.6	Organisasi MPP	15
	2.2.6.1 Majlis Tertinggi	15
	2.2.6.1 Pengurus Bahagian	15
	2.2.6.1 Tempoh Perkhidmatan	15
2.2.7	Cara Perlantikan MPP	16
2.3	Pilihanraya Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)	16
	2.3.1 Pengishtiharan Pilihanraya	18
2.4	Syarat dan Peraturan Pilihanraya MPP UTM	18
	2.4.1 Syarat dan Peraturan Pendaftaran Menjadi Calon MPP	18
	2.4.2 Peraturan Am Pendaftaran Calon	19
	2.4.3 Penamaan Calon Untuk Kerusi Kawasan Umum	20
	2.4.4 Penamaan Calon Untuk Kerusi Kawasan Fakulti	20
	2.4.5 Pengurus Pilihanraya Kawasan	21
	2.4.6 Urusetia Pilihanraya	21
	2.4.7 Pengumuman Calon yang Bertanding	22
	2.4.8 Bantahan Pengumuman Calon	22
	2.4.9 Kelayakan Menjadi Pemilih/Pengundi	23
	2.4.10 Peraturan Kempen Pilihanraya	23
	2.4.10.1 Tatatertib Umum Pilihanraya	23
	2.4.10.2 Peraturan Poster Pilihanraya	24
	2.4.10.3 Berkempen Melalui Sudut Pidato	25
	2.4.11 Wang Cagaran	25
	2.4.12 Hari Pembuangan Undi	25

2.4.13	Masa dan Tempat mengundi	26
2.4.14	Pengiraan Kertas Undi	26
2.4.15	Keputusan	27
2.4.16	Bantahan keputusan	27
2.4.16.1	Tempoh Bantahan	27
2.4.16.2	Cara Bantahan	27
2.4.17	Suruhanjaya Bebas Pilihanraya	28
2.4.18	Pemerhati Pilihanraya	28
2.4.19	Tindakan Tatatertib	29
2.4.20	Kesalahan-kesalahan lain	29
2.5	Teori Perwakilan	29
2.5.1	Teori Perwakilan Liberal-Demokratik	29
2.5.2	Teori Reaksioner	30
2.5.3	Teori Elitis	30
2.5.4	Teori konservatif	31
2.5.5	Teori Liberal	31
2.5.6	Teori Radikal	31
2.5.7	Teori Kolektivitis	32
2.6	Isu-Isu Pilihanraya MPP	32
2.6.1	Budaya Berpuak-puak	32
2.6.2	Keadilan dan Kebebasan	33

BAB III : METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	35
3.1	Rekabentuk Kajian	35
3.2	Populasi dan Persampelan	37
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	37
3.3.1	Instrumen Kajian	37
3.3.2	Temubual	39
3.3.3	Kajian Rintis	39
3.4	Pengumpulan Data	40
3.5	Analisis Data	41

BAB IV : DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	42
4.1	Latar Belakang Responden	43
4.1.1	Jantina	43
4.1.2	Tahun Pengajian	44
4.1.3	Fakulti	44
4.1.4	Bangsa	45
4.1.5	Tempat Tinggal semasa Pengajian	46
4.1.6	Tempat Asal	46
4.2	Keluar Mengundi pada Pemilihan yang Lepas	47
4.3	Kekerapan Mengundi Sepanjang Pengajian	47
4.4	Tahap Kesedaran Responden Terhadap Kewujudan, Peranan dan tanggungjawab MPP	48
4.4.1	Kewujudan MPP	49
4.4.2	Peranan dan Tanggungjawab MPP	50
4.4.3	Tahap Kesedaran Responden Terhadap MPP Mengikut Dimensi	52
4.5	Persepsi Responden Terhadap Hak Mengundi Dalam Pilihanraya	53
4.6	Persepsi Responden Terhadap Proses Pemilihan Wakil MPP	54
4.6.1	Wakil Pelajar	54
4.6.2	Tempoh Berkempen	55
4.6.3	Perjalanan Pilihanraya	56
4.6.4	Pengumuman Pemenang	57
4.7	Persepsi Responden Terhadap Pilihanraya Secara Umum	58

BAB V : PERBINCANGAN , RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0	Pengenalan	59
5.1	Latar Belakang Responden	59
5.2	Kewujudan MPP	60
5.3	Peranan dan Tanggungjawab MPP	61
5.4	Hak Mengundi Dalam Pilihanraya	61
5.5	Proses Pemilihan Wakil MPP	62
5.5.1	Wakil Pelajar	62
5.5.2	Tempoh Berkempen	62
5.5.3	Perjalanan Pilihanraya	62
5.5.4	Pengumuman Pemenang	63
5.6	Rumusan	63
5.7	Cadangan Penyelidik	63
5.8	Cadangan Kajian Lanjutan	65

BIBLIOGRAFI	66
--------------------	----

LAMPIRAN A	:	Jadual Penentuan Saiz Sampel Berdasarkan Populasi	68
LAMPIRAN B	:	Soal Selidik	69

SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	Muka Surat
1.1	Peratusan pelajar UTM yang Keluar Mengundi dalam Pilihanraya Kampus dari Sesi 1997/1998 hingga 2004/2005	3
2.1	Pengurus pilihanraya Kawasan Umum dan Fakulti	21
3.1	Taburan Item Bagi Soal Selidik Kesedaran Mahasiswa terhadap Peranan dan Tanggungjawab MPP sebagai Wakil Pelajar di UTM	38
3.2	Pemarkatan Item-item Skala Likert	38
3.3	Nilai Alpha bagi pemboleh ubah yang di gunakan dalam soal selidik	40
3.4	Julat Skor Min Tahap Kesedaran Responden Terhadap MPP	41
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	43
4.2	Taburan Responden Mengikut Tahun Pengajian	44
4.3	Taburan Responden Mengikut Fakulti	45
4.4	Taburan Responden Mengikut Bangsa	45
4.5	Taburan Responden Mengikut Tempat Tinggal Semasa Pengajian	46
4.6	Taburan Responden Mengikut Tempat Asal	46
4.7	Taburan Pelajar yang Keluar Mengundi pada pemilihan yang lepas	47
4.8	Taburan Kekerapan Pelajar yang Mengundi Sepanjang Pengajian	48
4.9	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Responden Terhadap Kewujudan MPP	49
4.10	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Responden Terhadap Peranan dan Tanggungjawab MPP	50
4.11	Tahap Keseluruhan Kesedaran Responden Terhadap MPP	51

4.12	Tahap Kesedaran Responden Terhadap Kewujudan MPP	52
4.13	Tahap Kesedaran Responden Terhadap Peranan dan Tanggungjawab MPP	52
4.14	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Responden Terhadap Hak Mengundi dalam Pilihanraya	53
4.15	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Responden Terhadap Wakil Pelajar	54
4.16	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Responden Terhadap Tempoh Berkempen	55
4.17	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Responden Terhadap Perjalanan Pilihanraya .	56
4.18	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Responden Terhadap Pengumuman Pemenang	57
4.19	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Responden Terhadap Pilihanraya Secara Umum	58

SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk	Muka Surat
2.1	Proses Pilihanraya MPP UTM.	17
3.1	Carta Aliran Kajian	36

SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN	MAKSUD
UTM	: Universiti Teknologi Malaysia
FPPSM	: Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
FAB	: Fakulti Alam Bina
FKSG	: Fakulti Kejuruteraan Sains dan Geoinformasi
FS	: Fakulti Sains
FP	: Fakulti Pendidikan
FKKKSA	: Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli
FSKSM	: Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat
FKA	: Fakulti Kejuruteraan Awam
FKM	: Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
FKE	: Fakulti Kejuruteraan Elektrik
RMC	: <i>Research Management Centre</i>
STS	: Sangat Tidak Setuju
TS	: Tidak Setuju
KS	: Kurang Setuju
S	: Setuju
SS	: Sangat Setuju
SPSS	: <i>Statistical Package for Social Science</i>
SUHAKAM	: Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia
SSM	: Soladariti Mahasiswa Malaysia
UM	: Universiti Malaya
UiTM	: Universiti Teknologi Mara
UKM	: Universiti Kebangsaan Malaysia
PKK	: Pusat Kaunseling dan Kerjaya
HEP	: Hal Ehwal Pelajar

IPT	:	Institut pengajian Tinggi
IPTA	:	Institut pengajian Tinggi Awam
UM	:	Universiti Malaya
UIAM	:	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

BAB I

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Menjelang 2020, Malaysia berharap untuk menjadi sebuah negara maju. Sejak dengan matlamat tersebut, pelbagai usaha telah dan sedang dilakukan bagi memastikan hasrat tersebut tercapai. Antaranya pihak kerajaan telah menyeru rakyat Malaysia bersatu tenaga dan usaha bagi memastikan wawasan 2020 tercapai. Golongan pelajar merupakan kumpulan sasaran yang berperanan menjayakan wawasan 2020. Golongan pelajar dikenalpasti sebagai aset utama bangsa bagi mencapai wawasan 2020 kerana populasi pelajar yang amat besar iaitu 42.7 % atau 7.57 juta daripada populasi keseluruhan rakyat Malaysia. Tambahan lagi golongan pelajar merupakan generasi pewaris yang bakal menerajui negara dan menentukan hala tuju serta tahap yang akan di dapai oleh negara.

Tidak boleh dinafikan bahawa peranan dan tanggungjawab seorang pelajar itu sangat besar. Oleh itu penerapan nilai-nilai murni perlu dimulakan dari awal lagi. Antara nilai-nilai murni yang di maksudkan adalah seperti mempunyai sifat kepimpinan, jujur, bertanggungjawab dan berhemah tinggi. Justeru, pelajar sebagai generasi pewaris perlu membina jati diri baik dari segi peribadi, mental, ilmu dan amal agar dapat menjadi insan yang dinamik dan unggul. Di samping itu pelajar juga perlu menguasai semua bidang untuk membolehkan mereka menghadapi cabaran-cabaran untuk mencapai matlamat wawasan 2020. Menurut Rosmida (1999), mahasiswa dianggap sebagai ejen perubahan masyarakat. Golongan ini dapat memberikan satu kelainan baru dalam mengajak masyarakat berfikir.

Pelajar-pelajar yang berketerampilan dan berilmu pengetahuan akan dapat memberikan input yang berharga kepada negara. Mereka juga perlu menunjukkan kesungguhan dan ketekunan dalam bidang akademik untuk memastikan pencapaian yang cemerlang dalam bidang yang diceburi. Hal ini selaras dengan saranan Tun Dr Mahathir yang menggesa pelajar supaya menyediakan diri ke arah mencapai wawasan 2020 dengan menghindarkan diri daripada dikuasai budaya dan nilai hidup kebaratan yang tidak sesuai dengan kemajuan negara. Tanpa pelajar yang cemerlang dan dinamik ini, hasrat kerajaan untuk melihat sebuah negara maju mengikut acuan Malaysia pada tahun 2020 nanti mungkin tidak tercapai. Usaha-usaha menerapkan nilai-nilai yang kita kehendaki daripada dikalangan pelajar kita sudah lama bermula. Namun begitu persoalannya sekarang adalah kita telah berjaya dalam dalam usaha-usaha tersebut. Sebahagian daripada soalan tadi mungkin terjawab dengan melihat kualiti mahasiswa / mahasiswi di negara kita hari ini.

Kita mengharapkan mahasiswa kita yang telah sebelas tahun kita bentuk memperlihatkan keperibadian yang kita kehendaki. Kita mahu mereka ada sifat-sifat seorang pemimpin iaitu sekurang-kurangnya memperlihatkan sifat yang bertanggungjawab, amanah, berani memperjuangkan hak mereka dan berani bersuara menentang ketidakadilan. Kualiti ini mungkin boleh kita lihat dengan mengkaji penglibatan mahasiswa dalam pilihanraya kampus. Hal ini adalah kerana penglibatan mahasiswa dalam pilihanraya kampus sekurang-kurangnya mencerminkan kesedaran mereka tentang hak dan tanggungjawab mereka sebagai warga kampus. Seperti yang kita sedia maklum, pilihanraya kampus bertujuan untuk memilih wakil MPP, sekurang-kurangnya mahasiswa itu sedar akan tanggungjawabnya sebagai bakal peneraju negara. Mereka akan sedar kepentingan melibatkan diri secara serius dalam pemilihan wakil MPP universiti mereka atau sekurang-kurangnya keluar untuk membuang undi.

Walau bagaimanapun akhir-akhir ini isu utama yang melanda kampus Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) diseluruh Malaysia ialah kesuraman pelajar untuk keluar mengundi bagi memilih perwakilan dalam MPP. Akhbar Harian Metro (21/12/2005) melaporkan hanya 41 peratus daripada keseluruhan 11160 pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) keluar mengundi bagi sesi

2002/2003 manakala Universiti Malaya(UM) pula mencatakan 46.6 peratus pelajar yang keluar mengundi bagi sesi 2002/2003.

1.1 Pernyataan Masalah

Di UTM, laporan yang diperolehi daripada Pejabat Hal Ehwal Pelajar, menunjukkan bahawa peratusan mahasiswa yang keluar mengundi pada hampir kesemua pilihanraya yang diadakan di kampus universiti ini masih berada pada tahap yang rendah. Menurut laporan tersebut, purata jumlah pelajar yang keluar mengundi dalam pilihanraya kampus UTM dari sesi 1997/1998 sehingga sesi 2004/2005 hanya sekitar 43% sahaja. (rujuk Jadual 1.1).

Jadual 1.1 : Peratusan pelajar UTM yang keluar mengundi dalam pilihanraya kampus dari sesi 1997/1998 hingga 2004/2005

Bil	Tahun / Sesi	% Pelajar Keluar Mengundi
1	1997/1998	33.3
2	1998/1999	55.0
3	1999/2000	48.6
4	2000/2001	NA
5	2001/2002	NA
6	2002/2003	44.67
7	2003/2004	55.72
8	2004/2005	64.54

Sumber: Pejabat Hal Ehwal Pelajar UTM.

Walaupun peratusan pelajar yang mengundi meningkat setiap tahun, namun peratusan tersebut adalah pada tahap kurang memuaskan. Justeru itu, hal ini menimbulkan persoalan sama ada mahasiswa benar-benar mempunyai kesedaran tentang hak mereka untuk diwakili secara adil atau tidak. Terdapat banyak faktor yang menjadi punca kurangnya kesedaran mahasiswa untuk mengundi dalam pilihanraya kampus. Antara faktor yang dikenalpasti adalah sikap sambil lewa dan menganggap pilihanraya kampus bukan perkara yang penting (Nizam, 2003).

Selain itu, proses pilihanya yang tidak teratur dan telus menyumbang kepada permasalahan ini seperti yang telah dikemukakan oleh Solidariti Mahasiswa Malaysia (SMM) melalui memorandum pada 12 Ogos 2004 yang telah dihantar kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). SMM telah meminta SUHAKAM mengkaji beberapa perkara mengenai perjalanan pilihanraya kampus, antaranya; (i) mewujudkan satu garis panduan dan etika pilihanraya yang bersifat umum yang melibatkan tempoh kempen dan sistem pengiraan undi. SMM juga meminta SUHAKAM merangka tempoh kempen yang lebih relevan bagi pilihanraya kampus bagi mengelakkan calon berkempen lebih awal dan melampaui had masa; (ii) menubuhkan jawatankuasa pemantau yang dipengerusi pihak SUHAKAM yang memantau urusetia pilihanraya, mengambil tindakan terhadap pihak yang terbabit; (iii) menyekat penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dan memastikan urusetia pilihanraya yang berkecuali; (iv) memastikan kebebasan kepada mahasiswa untuk memilih dan dipilih. SMM menuntut supaya mahasiswa di beri pilihan untuk memilih dan bertanding atas kapasiti individu atau berkumpulan. Oleh itu adalah penting kajian ini di jalankan dalam usaha untuk melihat tahap kesedaran mahasiswa terhadap hak mengundi di Universiti dan kesedaran terhadap peranan MPP.

1.2 Persoalan Kajian

1. Apakah tahap kesedaran mahasiswa terhadap kewujudan MPP sebagai wakil pelajar di UTM?
2. Apakah tahap kesedaran mahasiswa terhadap peranan dan tangungjawab MPP sebagai wakil pelajar di UTM?
3. Apakah tahap kesedaran mahasiswa terhadap hak mengundi dalam pilihanraya kampus?
4. Apakah persepsi mahasiswa terhadap sistem pilihanraya kampus di UTM?

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenalpasti tahap kesedaran mahasiswa terhadap kewujudan MPP.
2. Mengenalpasti tahap kesedaran mahasiswa terhadap peranan dan tanggungjawab MPP.
3. Mengenalpasti persepsi mahasiswa terhadap hak mengundi dalam pilihanraya kampus.
4. Mengenalpasti persepsi mahasiswa terhadap proses pilihanraya kampus.

1.4 Matlamat Kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk mengenalpasti persepsi mahasiswa terhadap kewujudan MPP sebagai wakil pelajar. Di harap hasil kajian ini dapat membantu pihak UTM merangka dan melaksanakan program-program yang boleh meningkatkan kesedaran mahasiswa untuk mengundi dalam pemilihan wakil MPP.

1.5 Kepentingan kajian

Kajian ini penting untuk membantu pihak UTM khususnya dan pusat pengajian tinggi yang lain untuk:

- i) menangani masalah mahasiswa yang tidak keluar mengundi.
- ii) mengenalpasti sistem pemilihan wakil MPP yang lebih sesuai.
- iii) mengenalpasti strategi yang boleh dipraktikkan bagi menggalakkan mahasiswa untuk keluar mengundi.
- iv) membuat perancangan pelaksanaan pilihanraya kampus yang lebih sistematik.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini merupakan kajian kes terhadap mahasiswa tahun satu hingga tahun akhir yang menuntut di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Seramai 50 orang mahasiswa dipilih sebagai responden kajian dari setiap fakulti. Jumlah keseluruhan responden bagi kajian ini adalah seramai 500 orang.

Kajian ini hanya mengkaji tentang kesedaran mahasiswa UTM terhadap kewujudan, peranan dan tanggungjawab MPP sebagai wakil pelajar, hak dan kesedaran mengundi di kalangan pelajar serta persepsi pelajar terhadap sistem pemilihan wakil MPP.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini hanya meliputi para pelajar di UTM Skudai. Fokus kajian ini adalah terhadap pelajar-pelajar di UTM Skudai, Johor sahaja. Oleh itu hasil kajian tidak dapat di generalisasikan kepada keseluruhan populasi pelajar universiti di Malaysia. Selain itu, masih tidak banyak kajian yang dijalankan berkaitan kesedaran mahasiswa untuk mengundi dalam pilihanraya kampus. Hal ini menjadi kekangan kepada para penyelidik untuk memperbanyakkan literatur kajian ini.

1.8 Definisi Konseptual dan Operasional

1.8.1 Mahasiswa

Kamus Dewan (2003) mentakrifkan mahasiswa sebagai pelajar atau penuntut di universiti. Dalam kajian ini mahasiswa bermaksud pelajar yang berdaftar sepenuh masa mengikut Seksyen 52 (18) Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia. Ertinya seorang pelajar yang sedang mengikuti kursus pengajian di Universiti untuk mendapatkan suatu ijazah atau diploma.

1.8.2 Kesedaran

Kamus Dewan (2003) mendefinisikan kesedaran sebagai peka atau mengambil tahu tentang sesuatu perkara atau peristiwa. Dalam kajian ini, kesedaran bermaksud kepekaan atau sikap ambil tahu pelajar terhadap kepentingan MPP kepada mereka sepanjang pengajian mereka di UTM. Hal ini mendorong mereka untuk mengundi pada pilihanraya kampus.

1.8.3 Majlis Perwakilan Pelajar

Majlis Perwakilan Pelajar (MPM) merupakan organisasi tertinggi dan merupakan badan peneraju utama aspirasi mahasiswa yang melaksanakan amanah kepada warga kampus melalui kepimpinan yang dinamik dan cemerlang.

BAB II

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pendahuluan

Bab ini membincangkan beberapa aspek yang berkaitan dengan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) dan pilihanraya Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Ia turut membincangkan artikel-artikel berkaitan pilihanraya kampus dan kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji tempatan dan luar negara. Turut di bincangkan dalam bab ini ialah teori Perwakilan.

2.1 AUKU dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)

Majlis Perwakilan Pelajar atau lebih dikenali sebagai MPP adalah merupakan satu majlis yang dibentuk melalui satu pilihanraya yang dijalankan oleh pihak universiti. Menurut seksyen 52 Subseksyen 10 Akta Universiti dan Kolej Universiti, tujuan dan fungsi persatuan ini adalah:

1. Untuk memupuk semangat hidup berpesatuan di kalangan pelajar-pelajar universiti.
2. Tertakluk kepada arahan Naib Canselor, untuk merancang dan menyelia kemudahan-kemudahan kebajikan pelajar di universiti

- termasuk kemudahan-kemudahan rekreasi, akademik, aktiviti-aktiviti kerohanian dan keagamaan, bekalan makanan dan minuman.
3. Untuk membuat representasi kepada Naib Canselor tentang segala perkara berhubungan atau berkenaan dengan keadaan tempat tinggal kehidupan pelajar universiti.
 4. Untuk diwakili dalam mana-mana badan yang boleh mengikut kaedah-kaedah yang dibuat oleh Lembaga bagi maksud itu, dilantik untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kebajikan pelajar di universiti dan untuk menjalankan apa-apa aktiviti yang ditetapkan oleh pihak universiti dari semasa ke semasa.

Mahasiswa pada dasarnya mempunyai pemikiran yang kritis dan mereka tidak sewajarnya terkongkong dalam dunia akademik sahaja. Mereka juga perlu sensitif terhadap isu-isu semasa. Bagi maksud yang lebih jelas, mahasiswa perlu terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan. Mahasiswa sedang membina kematangan semasa menjalani kehidupan di kampus. Walaupun sesetengah pihak menganggap bahawa dunia akademik tidak seharusnya dicampur-adukkan dengan sebarang aktiviti yang tiada kaitan dengan akademik tetapi mereka harus ingat bahawa mahasiswa ini akan kembali kepada masyarakat suatu hari nanti. Kehidupan akademik mahasiswa seharusnya bebas dari pengaruh atau tekanan dari pihak kerajaan atau pihak luar. Rahaiza (1999) menyatakan bahawa mahasiswa sudah cukup matang untuk menilai, namun ia tidak bermaksud mahasiswa wajar menggunakan cara yang bertentangan dengan undang-undang tetapi sebaliknya menggunakan saluran yang telah ditetapkan.

Walaupun begitu kebimbangan masih wujud di kalangan mahasiswa apabila mereka melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti selain aktiviti akademik. Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) melarang mahasiswa daripada terlibat atau megambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti di luar kampus seperti berpolitik. Perkara 1, seksyen 15, Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan), 1975 tidak membenarkan sesiapa sahaja yang bergelar pelajar universiti menjadi ahli atau bersekutu dengan mana-mana persatuan, parti politik, kesatuan sekerja atau sebarang pertubuhan, badan atau kumpulan sama ada ianya ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang universiti atau di luar universiti, di Malaysia atau di luar Malaysia kecuali

sebagaimana yang diperuntukkan di bawah perlembagaan atau sebagaimana yang diluluskan secara bertulis oleh Naib Canselor.

Perkara 2 seksyen 15 AUKU juga mengatakan bahawa tiada sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar universiti, sama ada ditubuhkan, di bawah atau mengikut Perlembagaan atau selainnya, boleh ada apa-apa gabungan, persekutuan atau apa-apa jua urusan lain dengan mana-mana persatuan, parti politik, kesatuan sekkerja atau apa-apa juga pertubuhan, badan atau kumpulan orang sama ada atau tidak ianya di tubuhkan di bawah mana-mana undang-undang, sama ada ianya di dalam universiti atau luar universiti, di dalam Malaysia atau luar Malaysia kecuali sebagaimana di peruntukkan di bawah perlembagaan atau sebagaimana yang di luluskan secara bertulis oleh Naib Canselor.

Perkara 3, akta yang sama juga ada menyebut bahawa tiada sesiapa semasa menjadi pelajar universiti boleh menyatakan atau berbuat sesuatu yang boleh di tafsirkan sebagai menyatakan sokongan, simpati atau bangkangan terhadap mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang haram.

2.2 Struktur Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)

Perbincangan tentang organisasi MPP tahun 2004 melibatkan , motto, tema, dasar-dasar, matlamat dan peranan yang di mainkan oleh MPP, organisasi MPP dan perlantikan MPP.

2.2.1 Motto

Motto MPP 2004 adalah ‘Kepimpinan Mahasiswa Penjana Aspirasi Kecemerlangan’

2.2.2 Tema

Tema MPP 2004 ialah ‘Mahasiswa dan Kepimpinan’

2.2.3 Dasar-dasar MPP

Dasar MPP 2004 adalah untuk menerajui kepimpinan mahasiswa sebagai sebuah perwakilan mahasiswa yang akan memperjuangkan hak-hak mahasiswa bagi melahirkan mahasiswa yang berakhhlak mulia, berwawasan, berbudaya ilmu, prihatin, berteknologi maklumat dan berdaya saing.

2.2.4 Matlamat MPP

Matlamat dan sasaran MPP 2004 adalah meningkatkan kesedaran akademik dan kerjaya mahasiswa bagi melahirkan mahasiswa yang berkualiti dan intelektual serta memperjuangkan agenda kebajikan mahasiswa ke arah mewujudkan suasana persekitaran kampus yang harmoni disamping membina mahasiswa yang cemerlang dalam berbagai aspek khususnya akademik, sahsiah dan kepimpinan. MPP juga berperanan untuk menyatukan mahasiswa di bawah sebuah gagasan iaitu ‘perwakilan mahasiswa’ untuk memperjuangkan hak mahasiswa. Selain itu matlamat MPP juga adalah menyebar luaskan maklumat kepada mahasiswa sejajar dengan peranan sebagai penyumbang dan penyalur informasi secara bijaksana serta mengenengahkan dan mengutamakan program yang menyumbang ke arah pembinaan insan. Di samping itu MPP juga bertanggungjawab untuk memperkemas dan mempereratkan hubungan diplomasi dua hala di antara pihak pentadbiran universiti dengan mahasiswa. MPP turut bermatlamat untuk memperjuangkan konsep perpaduan dan keadilan sejagat kepada semua mahasiswa tanpa mengira agama, bangsa dan keturunan dan memperkembangkan konsep budaya ilmu, berfikir, beriman dan beramal serta mendokong cita-cita murni, misi dan visi Universiti Teknologi Malaysia.

2.2.5 Peranan MPP

Sebanyak enam jabatan telah dibentuk bagi memudahkan MPP 2004 melaksanakan tanggungjawab dan memainkan peranan mereka sebagai wakil pelajar. Jabatan-jabatan tersebut adalah seperti berikut:

2.2.5.1 Jabatan Kebajikan Pelajar.

Peranan Jabatan Kebajikan adalah sebagai penggerak dalam menangani isu kebajikan dalam dan luar kampus. Sentiasa peka dengan isu-isu yang timbul dan yang menyentuh tentang kebajikan mahasiswa dan menyalurkan permasalahan yang berlaku kepada pihak pentadbiran universiti merupakan salah satu tugas utama mereka.

2.2.5.2 Jabatan Akademik dan Kerjaya

Jabatan Akademik dan Kerjaya bertanggungjawab melakukan analisis dari masa ke semasa mengenai isu-isu pendidikan warga kampus, menjalankan program yang boleh menyumbang kepada kecemerlangan akademik dan kerjaya, menjaga kebajikan mahasiswa dari aspek suasana belajar yang kondusif dan meningkatkan pencapaian mahasiswa ke arah mempertingkatkan kecemerlangan.

2.2.5.3 Jabatan Pentadbiran dan Hubungan Luar

Peranan Jabatan Pentadbiran dan Hubungan Luar adalah melicinkan perjalanan pentadbiran MPP, mengeratkan silaturrahim sesama exco dan menjalankan hubungan dengan persatuan yang wujud di dalam dan luar universiti.

2.2.5.4 Jabatan Penerbitan dan Multimedia

Peranan Jabatan Penerbitan dan Multimedia adalah memastikan setiap aktiviti MPP didokumentasikan dan dihebahkan kepada warga kampus. Selain itu. Selain itu, peranan mereka adalah untuk membina sikap prihatin mahasiswa terhadap perkembangan isu semasa dalam dan luar kampus, mengembangkan budaya ilmu di kalangan mahasiswa dan menyediakan saluran untuk mahasiswa melahirkan idea mereka.

2.2.5.5 Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan

Peranan Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan adalah untuk menjalankan kajian dan penyelidikan terhadap isu semasa di dalam dan di luar kampus, mengumpul maklumat dan bukti untuk tindakan selanjutnya, merancang program atau projek pembangunan untuk menyelesaikan isu yang telah dikenalpasti.

2.2.5.6 Jabatan Aktiviti

Peranan Jabatan Aktiviti adalah memastikan budaya warga kampus ke arah budaya integrasi nasional dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti sukan, kebudayaan dan aktiviti sosial mahasiswa. Selain itu, jabatan ini juga bertanggungjawab memastikan segala kemudahan sukan di kampus mencukupi dan terjamin dari segi keselamatan dan keselesaan.

2.2.6 Struktur Organisasi MPP

2.2.6.1 Majlis Tertinggi

Majlis Tertinggi MPP terdiri dariapada Presiden, Naib Presiden, Setiausaha Agung dan Bendahari.

2.2.6.2 Pengerusi bahagian

Pengerusi-pengerusi bahagian dilantik melalui keputusan Mesyuarat Pembentukan Exco MPP. Pengerusi yang dilantik bertanggungjawab untuk memainkan peranan dalam bahagian masing-masing. Bahagian-bahagian tersebut adalah seperti Penerangan dan Penerbitan, Akademik, Kebajikan dan Pengaduan, Perkhidmatan dan Penginapan, Penyelidikan dan Pembangunan Sumber Manusia, Pentadbiran, Gerak Khas, Sosial, Kebudayaan dan Sukan dan bahagian Perhubungan Awam dan Perpaduan.

2.2.6.3 Tempoh Perkhidmatan

Tempoh perkhidmatan ahli-ahli MPP dan pemegang pemegang jawatan adalah selama satu tahun.


2.2.7 Cara Perlantikan MPP

Pelajar-pelajar berdaftar universiti, selain dari pelajar luar, hendaklah pada kesemuanya menjadi satu badan yang dinamakan Kesatuan Pelajar-pelajar Universiti (kesatuan). Kesatuan (pelajar-pelajar berdaftar) hendaklah memilih Majlis Perwakilan Pelajar dengan undi rahsia melalui satu pilihanraya kampus yang dijalankan oleh pihak universiti.

2.3 Pilihanraya Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)

Melalui peruntukan di bawah Seksyen 52 Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan) 1999, Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menyatakan bahawa pilihanraya Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) diadakan setiap tahun bagi memilih ahli-ahli MPP UTM yang baru bagi menggantikan wakil MPP yang telah tamat tempoh memegang jawatan. Rajah 2.1 menunjukkan proses pilihanraya MPP di UTNOM yang telah berlangsung pada sesi 2004/2005, bertarikh 15 September 2004.

Rajah 2.1: Proses Pilihanraya MPP UTM.



Sumber: Pejabat Hal Ehwal Pelajar, UTM

2.3.1 Pengisytiharan Pilihanraya

Pengisytiharan pilihanraya dilakukan selepas mesyuarat penyelarasan peringkat jabatan atau fakulti. Pengisytiharan pilihanraya menandakan bahawa MPP sedia ada dibubarkan. Perkara-perkara yang diumumkan dalam pengisytiharan pilihanraya adalah seperti jumlah kerusi yang di pertandingkan, hari penamaan calon, urusetia pilihanraya, pengumuman calon yang bertanding, bantahan pengumuman calon, peraturan kempen pilihanraya, hari membuang undi, masa mengundi, tempat mengundi, peraturan mengundi, pengiraan kertas undi dan bantahan keputusan pilihanraya.

2.4 Syarat dan Peraturan Pilihanraya MPP UTM

2.4.1 Syarat dan Peraturan Pendaftaran Menjadi Calon MPP

Calon mestilah pelajar sepenuh masa iaitu seorang pelajar yang sedang mengikuti suatu kursus pengajian di Universiti untuk suatu ijazah atau suatu diploma yang bukan suatu diploma lepas ijazah yang termasuklah seorang pelajar yang memegang suatu diploma dan sedang mengikuti suatu kursus pengajian untuk suatu ijazah. Seseorang pelajar yang belum lagi masuk peperiksaan yang pertama di universiti bagi kursus pengajiannya atau yang telah gagal atau yang tidak masuk peperiksaan yang baru lalu yang diadakan oleh universiti bagi kursus pengajian itu sebelum sahaja pilihanraya ini adalah hilang kelayakan daripada dipilih dalam pemilihan atau pemilihan-pemilihan pilihanraya yang ditetapkan ini.

Tiada seseorang pelajar yang keputusan perbicaraan tatatertib terhadapnya masih ditunggu atau yang telah didapati bersalah bagi suatu kesalahan tatatertib, boleh menjadi calon MPP, melainkan jika dibenarkan secara bertulis

oleh Naib Canselor. Seseorang pelajar yang ingin menjadi calon MPP juga hendaklah mendapat keputusan peperiksaan CPA tidak kurang 2.80.

2.4.2 Peraturan Am Pendaftaran Calon

Borang permohonan untuk menjadi calon boleh didapati daripada Urusetia Pilihanraya MPP yang berpejabat di Pejabat Hal Ehwal Pelajar pada waktu pejabat (jam 8.00 pagi hingga jam 5.00 petang) mulai tarikh pengisytiharan pilihanraya MPP. Setiap borang pencalonan dan Buku Peraturan dikenakan bayaran RM30.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Puluh Sahaja). Calon hendaklah menamakan dalam borang permohonan seorang pencadang dan seorang penyokong seperti dalam Perkara 1.2.2 (i), (ii) dan 1.2.3. Calon hendaklah mengemukakan gambar terkini, berwarna dan berukuran pasport. Calon hendaklah menyerahkan sendiri borang pencalonan beserta wang cagaran kepada Pegawai Pengurus Pilihanraya Kawasan seperti yang dinyatakan dalam perenggan 1.2.4 pada tarikh dan hari penamaan calon di Pusat Penamaan Calon yang ditetapkan oleh Urusetia Pilihanraya. Perihal mengenai wang cagaran adalah seperti yang dinyatakan dalam perenggan 7.0. Penyerahan borang pencalonan hendaklah diiringi oleh pencadang dan penyokong. Borang pencalonan hendaklah ditandatangani oleh calon pencadang dan penyokong di hadapan Pengurus Pilihanraya Kawasan. Salinan keputusan peperiksaan terkini yang telah disahkan oleh Fakulti atau telah disahkan oleh Urusetia Pilihanraya MPP perlu dikepulkan bersama-sama borang pencalonan. Pengurus Pilihanraya Kawasan akan menyemak butir-butir pencalonan dan akan menentukan sama ada calon itu layak atau tidak layak untuk menjadi calon pada masa itu juga, atau diberitahu kemudian. Borang pencalonan hendaklah diserahkan kepada Pengurus Pilihanraya Kawasan Fakulti dan Umum di Dewan Jamuan, Bangunan Pentadbiran bagi Kampus Skudai dan Dewan Besar di Kampus Kuala Lumpur. Calon tidak boleh bertanding lebih dari satu kerusi.

2.4.3 Penamaan Calon Untuk Kerusi Kawasan Umum

Pencadang dan penyokong untuk calon kerusi Kawasan Umum boleh terdiri daripada pelajar berdaftar dari mana-mana Fakulti dan Pejabat Program Pengajian Diploma UTM Kuala Lumpur. Pencadang atau penyokong boleh menandatangani borang pencalonan lebih dari satu kali. Borang pencalonan untuk kerusi Kawasan Umum hendaklah mendapat pengesahan dan sokongan dari Timaballan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar atau Wakil Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar sebelum diserahkan kepada Pengurus Pilihanraya Kawasan Umum.

2.4.4 Penamaan Calon Untuk Kerusi Kawasan Fakulti

Pencadang dan penyokong untuk calon kerusi Kawasan Fakulti hendaklah terdiri di kalangan pelajar dari Fakulti yang sama dengan calon. Pencadang atau penyokong boleh menandatangani borang pencalonan kerusi Kawasan Fakulti lebih dari tiga kali.

2.4.5 Pengurus Pilihanraya Kawasan.

Pengurus pilihanraya kawasan umum dan fakulti adalah seperti berikut:

Jadual 2.1: Pengurus Pilihanraya Kawasan Umum dan Fakulti

Bil	Kawasan	Pengurus Pilihanraya
1	Umum (Kampus Skudai dan kampus UTM Kuala Lumpur)	Pendaftar
2	Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia	Dekan, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
3	Fakulti Alam Bina	Dekan, Fakulti Alam Bina
4	Fakulti Kejuruteraan Sains dan Geoinformasi	Dekan, Fakulti Kejuruteraan Sains dan Geoinformasi
5	Fakulti Sains	Dekan, Fakulti Sains
6	Fakulti Pendidikan	Dekan, Fakulti Pendidikan
7	Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli	Dekan, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli
8	Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat	Dekan, Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat
9	Fakulti Kejuruteraan Awam	Dekan, Fakulti Kejuruteraan Awam
10	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	Dekan, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
11	Fakulti Kejuruteraan Elektrik	Dekan, Fakulti Kejuruteraan Elektrik

2.4.6 Urusetia Pilihanraya

Mengikut Seksyen 52 (Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia), Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, (Pindaan) 1999 pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar dinyatakan seperti berikut:-

- (i) Pelajar berdaftar setiap Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut hendaklah memilih dengan undi rahsia yang dijalankan oleh Dekan Fakulti atau Ketua Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebilangan pelajar berdaftar yang sama bilangannya daripada Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut itu untuk menjadi wakil dalam Majlis Perwakilan Pelajar sebagaimana yang ditentukan oleh Naib Canselor; dan
- (ii) Pelajar-pelajar berdaftar bagi keseluruhan hendaklah memilih dengan undi rahsia yang dijalankan oleh mana-mana pegawai yang dilantik oleh Naib Canselor bagi maksud itu, beberapa orang pelajar berdaftar, mengikut sebagaimana yang ditentukan oleh Naib Canselor, untuk menjadi wakil-wakil dalam Majlis Perwakilan Pelajar, dan bilangan pelajar-pelajar itu hendaklah, walau bagaimanapun, tidak lebih daripada setengah daripada bilangan wakil-wakil yang dipilih di bawah perenggan (a) Walaubagaimanapun, sesuai dengan fungsi dan tugasnya Pejabat Hal Ehwal Pelajar akan menjadi Urusetia kepada Pilihanraya MPPUTM tersebut.

2.4.7 Pengumuman Calon yang Bertanding

Nama-nama calon yang disahkan bertanding akan diumumkan oleh Urusetia Pilihanraya MPP selepas proses Penamaan Calon selesai bermula jam 5.00 petang bertempat di Ruang Pameran, Bangunan Persatuan Pelajar bagi Kampus Skudai manakala bagi Kampus Kuala Lumpur bertempat di Foyer Dewan Besar. Apabila nama-nama telah diumumkan, calon-calon tidak boleh menarik diri dari bertanding dalam pilihanraya.

2.4.8 Bantahan Pengumuman Calon

Bantahan mengenai pencalonan mestilah dikemukakan bersama wang tunai RM100.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Sahaja) kepada Urusetia

Pilihanraya MPP pada masa dan tarikh seperti yang dinyatakan di dalam surat pengisyntiharan Pilihanraya MPP UTM dengan menggunakan borang yang ditetapkan dan Wang Bantahan tidak akan dikembalikan. Bantahan mengenai pencalonan akan dirujuk kepada Suruhanjaya Bebas Pilihanraya Majlis Pilihanraya Perwakilan Pelajar Universiti Teknologi Malaysia dan keputusan akan dikeluarkan sehari sebelum kempen bermula.

2.4.9 Kelayakan Menjadi Pemilih / Pengundi

Pengundi hendaklah di kalangan pelajar berdaftar sepenuh masa mengikut Seksyen 52 (18) Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia. Ertinya seorang pelajar yang sedang mengikuti suatu kursus pengajian di universiti untuk mendapatkan suatu ijazah atau diploma, yang bukan suatu diploma lepas ijazah, dan termasuk seorang pelajar yang memegang suatu diploma dan sedang mengikuti suatu kursus pengajian untuk mendapatkan suatu ijazah.

2.4.10 Peraturan Kempenia Pilihanraya.

2.4.10.1 Tatatertib Umum Berkempenia

Calon hanya boleh bertanding dan berkempenia atas nama dirinya sendiri. Calon-calon dilarang membuat kecaman-kecaman peribadi terhadap calon-calon lain. Tindakan tatatertib boleh diambil terhadap calon berkenaan dan wakilnya jika terdapat aduan berhubung dengan perkara tersebut. Calon tidak boleh menggunakan motto atau cogankata. Berkempenia secara berkumpulan adalah dilarang. Berkempenia di dalam bilik kuliah, bilik persatuan, tempat-tempat beribadat, makmal dan studio adalah dilarang. Berkempenia secara ‘surat layang’ adalah dilarang. Calon tidak boleh menyentuh atau mempertikaikan pembuangan undi. Calon dilarang memancing undi dalam kawasan pembuangan undi. Berkempenia hanya dibenarkan di tempat-tempat yang ditetapkan oleh Urusetia Pilihanraya MPP. Calon-calon tidak boleh menerima atau membuat kutipan kewangan daripada

mana-mana orang perseorangan ataupun pertubuhan. Kempen pilihanraya ini tertakluk kepada segala had dan sekatan berhubung dengan peraturan dan tata tertib sebagai pelajar Universiti seperti yang diperuntukan dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (pindaan) 1999 dan lain-lain peraturan untuk pelajar Universiti dan apa-apa had, sekatan dan peraturan yang dikeluarkan dari masa ke semasa oleh Urusetia Pilihanraya MPP.

2.4.10.2 Peraturan Poster Pilihanraya

Poster hanya boleh diedarkan dalam kawasan yang telah ditetapkan dalam Kampus Universiti sahaja. Lain-lain bentuk berkempen menggunakan kain rentang adalah dilarang. Ukuran poster hendaklah tidak melebihi ukuran saiz kertas A3 (30 cm x 42 cm). Semua poster yang dicetak oleh Urusetia Pilihanraya MPP hendaklah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Urusetia Pilihanraya MPP sebelum boleh dipamerkan. Setiap poster hanya boleh mengandungi nama seorang calon sahaja. Hanya poster berwarna hitam putih sahaja dibenarkan. Calon hendaklah mematuhi apa-apa had dan sekatan lain mengenai peraturan semasa dalam kampus. Calon-calon adalah bertanggungjawab menanggal dan menurunkan poster yang ditampalkan serta memastikan kawasan tersebut bersih dalam tempoh 24 jam selepas pengundian pilihanraya selesai. Calon yang gagal mematuhi semua peraturan di atas akan kehilangan wang cagaran mereka. Calon yang gagal menanggal dan menurunkan poster serta gagal memastikan kawasan berkenaan bersih bukan sahaja akan kehilangan wang cagaran mereka dan akan dikenakan denda sebanyak RM50.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Sahaja) Tindakan tata tertib akan diambil ke atas orang perseorangan yang cuba menurunkan poster dan merosakkan poster. Poster-poster boleh diturunkan dengan kebenaran daripada pihak Urusetia Pilihanraya MPP atau pihak Unit Keselamatan atau pegawai-pegawai yang telah dilantik oleh Urusetia Pilihanraya MPP.

2.4.10.3 Berkempen Melalui ‘Sudut Pidato’

Calon dibolehkan berkempen melalui ‘Sudut Pidato’ bertempat di Arked Meranti, Arked Cengal, Bangunan Persatuan Pelajar (SUB) dan Dataran Ilmu UTM Kuala Lumpur. Calon terlebih dahulu mendapatkan pengesahan daripada Urusetia Pilihanraya MPP. Calon hendaklah mematuhi segala arahan dan peraturan yang ditetapkan oleh Urusetia Pilihanraya MPP.

2.4.11 Wang Cagaran

Wang cagaran yang ditetapkan oleh Urusetia Pilihanraya MPUTM bagi tujuan pilihanraya ialah RM50.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Sahaja). Semua calon yang bertanding yang gagal mematuhi semua peraturan pilihanraya yang ditetapkan oleh Urusetia Pilihanraya akan hilang wang cagaran mereka. Walau bagaimanapun bagi calon yang mematuhi semua peraturan yang ditetapkan, wang cagaran tersebut akan dikembalikan selepas semua proses pilihanraya selesai.

2.4.12 Hari Pembuangan Undi

Setiap pengundi hendaklah membawa bersama kad matrik pelajar atau kad pengenalan. Bagi Kampus Skudai, setiap pengundi akan diberikan dua jenis kertas undian. Satu kertas undian memilih tiga orang calon bagi mewakili Fakulti dan satu lagi kertas undian untuk memilih sepuluh orang calon untuk mewakili Kerusi Umum Kampus Skudai sahaja. Bagi kampus UTM Kuala Lumpur, setiap pengundi akan diberikan satu kertas undian untuk memilih lima orang calon untuk mewakili Kerusi Umum Kampus UTM Kuala Lumpur sahaja. Pengundi kampus Skudai adalah diingatkan bahawa undian lebih atau kurang daripada tiga calon bagi kerusi fakulti dan lebih atau kurang daripada sepuluh calon bagi Kerusi Umum adalah dikira undi rosak. Pengundi Kampus UTM Kuala Lumpur adalah diingatkan bahawa undian lebih atau kurang daripada lima calon bagi Kerusi Umum adalah dikira undi rosak.

Pengundi tidak dibenarkan membawa masuk sebarang dokumen bertulis khususnya yang berkaitan dengan pembuangan undi Pilihanraya MPP. Pengundi hendaklah mematuhi segala tatatertib pembuangan undi yang ditetapkan.

2.4.13 Masa dan Tempat Mengundi

Masa untuk membuang undi bermula dari jam 8.30 pagi hingga jam 4.30 petang. Tempat pembuangan undi ditetapkan oleh fakulti masing-masing bagi kampus UTM Skudai. Bagi kampus UTM Kuala Lumpur pula, pihak universiti memperuntukkan Dewan Besar sebagai tempat pembuangan undi. .

2.4.14 Pengiraan Kertas Undi

Calon dan pelajar tidak dibenarkan berada dalam kawasan pengiraan undi semasa pengiraan sedang dijalankan kecuali pemerhati pilihanraya. Pengiraan kertas undi akan dimulakan jam 5.30 petang pada hari yang sama dan dijalankan seperti mana berikut:-

Kertas Undi Fakulti – dikira di Fakulti masing-masing bagi Kampus Skudai
dan Pejabat Program Pengajian Diploma bagi Kampus
UTM Kuala Lumpur.

Kertas Undi Umum – dikira di Dewan Sultan Iskandar bagi Kampus Skudai
dan Dewan Besar bagi Kampus UTM Kuala Lumpur.

Ulangkira undi boleh diadakan lebih dari sekali. Urusetia Pilihanraya MPP mempunyai kuasa budi bicara untuk membenarkan ulangkira untuk kali kedua atau ketiga. Bagaimanapun, Urusetia boleh menolak untuk membuat ulangkira undi dan berhak untuk terus mengumumkan calon yang menang jika berpuashati dengan keputusan yang diperolehi.

2.4.15 Keputusan

Pengumuman calon yang berjaya dalam pilihanraya akan dibuat sebaik sahaja pengiraan undi selesai dan keputusan diterima serta disahkan oleh Urusetia Pilihanraya MPP.

2.4.16 Bantahan Keputusan

2.4.16.1 Tempoh Bantahan

Bantahan mengenai keputusan boleh dikemukakan kepada Urusetia Pilihanraya MPP sebaik sahaja selepas pengumuman keputusan pilihanraya dibuat seperti dengan menggunakan borang yang disediakan oleh Urusetia Pilihanraya dan mengemukakan justifikasi bantahan secara terperinci tidak lewat dari jam 12.00 tengahari sehari selepas hari pengiraan undi.

2.4.16.2 Cara Bantahan

Bantahan mestilah menggunakan Borang Bantahan Keputusan Pilihanraya MPP dan dikemukakan kepada Urusetia Pilihanraya bersama dengan wang tunai RM100.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Sahaja). Keputusan mengenai bantahan akan diberitahu kepada calon dalam tempoh 48 jam daripada borang yang diterima secara rasmi oleh Urusetia Pilihanraya MPP mengenai bantahan tersebut dan keputusan adalah muktamad. Wang bantahan tidak akan dikembalikan.

2.4.17 Suruhanjaya Bebas Pilihanraya.

Suruhanjaya Bebas akan dilantik bagi membincangkan dan membuat keputusan mengenai bantahan yang dikemukakan. Ahli Panel Suruhanjaya Bebas adalah terdiri daripada Pendaftar atau wakil, Dekan Unit Pengurusan Program Kerjasama (UPPK) atau wakil, Pengarah Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial atau wakil, Pengarah Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (CICT) atau wakil, Ketua Pustakawan atau wakil, Setiausaha bagi Panel Suruhanjaya Bebas adalah Pegawai Urusetia Pilihanraya.

2.4.18 Pemerhati Pilihanraya.

Urusetia Pilihanraya MPP akan melantik Yang DiPertua atau Timbalan Yang DiPertua atau Presiden atau Pengerusi, Timbalan Presiden atau Timbalan Pengerusi atau Setiausaha atau Timbalan Setiausaha atau Timbalan Setiausaha atau Bendahari Persatuan atau Kelab atau Jawatankuasa Kolej Mahasiswa yang bukan calon yang bertanding boleh dilantik sebagai pemerhati. Bilangannya akan ditentukan oleh Urusetia Pilihanraya yang bertindak sebagai pemerhati dalam masa pembuangan undi dan pemerhati dalam masa pengiraan undi.

2.4.19 Tindakan Tatatertib.

Tiap-tiap calon atau sesiapa jua yang bertindak atau berkelakuan bersalah dengan peraturan berkempen atau mana-mana peraturan boleh dikenakan tindakan di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar) 1999. Urusetia Pilihanraya MPP Universiti Teknologi Malaysia boleh memperakarkan sebarang tindakan yang patut diambil oleh Suruhanjaya Bebas Pilihanraya jika sesuatu bantahan yang berkaitan dengan kesalahan atau kejadian yang mudarat kepada kepentingan umum berlaku yang berpunca daripada calon atau penyokongnya.

2.4.20 Kesalahan-Kesalahan Lain

Calon-calon yang bertanding adalah dikehendaki juga mematuhi etika dan peraturan sopan santun yang tidak bertulis.

2.5 Teori Perwakilan.

Syed Ahmad Hussein (1992) telah menggariskan beberapa teori berkaitan dengan pilihanraya dan perwakilan. Antara teori-teori tersebut ialah:

2.5.1 Teori Perwakilan Liberal-Demokratik.

Teori ini menekankan peranan dan hak individu yang abadi dan semulajadi yang tidak boleh dicabuli oleh sesiapa pun, termasuk negara dan kerajaan. Individu-individu ini pula diandaikan sebagai insan yang rasional yang boleh memilih secara rasional. Haknya bukan setakat hak mengundi tetapi juga hak kesamaan di dalam mengundi. Wakil yang dilantik itu pula sebagai wakil individu, wakil pendapat-pendapat dan kepentingan-kepentingan individu. Wakil itu bertanggungjawab ke atas setiap individu di kawasannya. Dia bukan setakat seorang delegasi kawasannya; dia mewakili satu koleksi pendapat-pendapat individu walaupun dia sendiri, sebagai seorang individu juga, tidak perlu menyerahkan pendapat-pendapat peribadinya kepada koleksi itu. Antara tugas utama wakil tersebut ialah melindungi hak-hak asasi individu di kawasannya daripada dicabuli oleh kuasa eksekutif.

Pandangan liberal seperti ini, walaubagaimanapun, telah menjadi semakin kabur dan kucar-kacir dalam keadaan masyarakat moden. Perhubungan di antara pemerintah majoriti, hak asasi individu dan kekesanan pemerintah telah menjadikan teori liberal seperti ini penuh dengan masalah teori dan praktis. Ahli-ahli teori liberal terus mencuba untuk menyesuaikan teori ini dengan perubahan-perubahan dan keperluan terbaru dan untuk

menyeimbangkan soal hak dan peranan individu dan perlunya pihak berkuasa yang berkesan dalam keadaan politik sebenar hari ini.

2.5.2 Teori Reaksioner

Teori ini mementingkan peraturan (*order*) dan kekuasaan. Teori ini menekankan bahawa pemerintahan harus kuat dan wakil-wakil di majlis perundangan tidak harus dikacau oleh sentimen popular. Rakyat berkewajipan untuk menyokong kerajaan dan negara dan menerima dasar-dasar awam dengan kepercayaan penuh bahawa dasar-dasar itu sesungguhnya dibentuk untuk kebaikan awam.

2.5.3 Teori Elitis

Teori ini menganjurkan bahawa hanya orang-orang terbaik dan istimewa sahaja yang berkebolehan untuk mewakili kepentingan rakyat. Teori ini juga menganjurkan bahawa *popular control* ke atas pemerintahan adalah tidak perlu. Pemerintahan golongan istimewa ini, yang berfungsi tanpa diganggu oleh kawalan rakyat, adalah jenis peraturan politik yang terbaik untuk berkhidmat kepada kepentingan awam.

2.5.4 Teori Konservatif.

Teori ini percaya kepada kawalan popular tetapi tidak menggalakkan penyertaan awam dalam proses pemerintahan sebenar. Rakyat memilih wakil-wakil dari golongan elit untuk memerintah mereka tetapi rakyat tidak ada hak untuk menentukan atau mempengaruhi wakil-wakil mereka supaya mencerminkan pendirian tertentu dalam isu-isu tertentu. Kalau rakyat tidak puas hati, mereka boleh menggantikan elit yang ada dengan elit lain melalui pilihanraya akan datang.

2.5.5 Teori Liberal

Teori ini menganjurkan semua orang adalah sama dan sama-sama berkebolehan untuk memerintah. Teori ini menganjurkan bahawa wakil-wakil rakyat berkewajipan untuk sentiasa dan terus-menerus mencerminkan hasrat rakyat yang diwakili. Malah mereka harus mengundi di majlis-majlis perundangan mengikut kehendak pengundi-pengundi yang memilihnya.

2.5.6 Teori Radikal

Teori ini menganjurkan input popular yang maksimum, langsung dan terus-menerus dari semua rakyat. Rakyat harus mewakili diri mereka sendiri dalam menentukan isu-isu penting. Teori ini menekankan bukan sahaja penyertaan ramai dalam memilih wakil tetapi juga di semua peringkat membuat keputusan dan dasar awam.

2.5.7 Teori Kolektivitis

Teori ini menekankan perwakilan yang berlandaskan kelompok kelas. Sesuatu majlis perwakilan itu dianggap *representative* bukan kerana ia mewakili individu dan pendapat individu tetapi kerana ia mewakili kelas majoriti. Teori ini menekankan *the will of the majority (class)* dan bukannya *the will of the people*. Demokrasi, mengikut teori ini ialah keadaan di mana tiadanya eksplorasi ekonomi dan wujudnya kesamaan sosial dan perwakilan harus mencerminkan keadaan ini. Perspektif kolektivitis ini telah menimbulkan konsep kediktatoran kelas, dan daripadanya pula kediktatoran satu parti yang berasaskan satu kelas – satu konsep yang senang sahaja diterjemahkan untuk menghalalkan pemerintahan kediktatoran dan penindasan rasmi ke atas golongan minoriti atau ke atas mereka yang tersisih daripada kelas-kelas sosial tertentu.

2.6 Isu-Isu Pilihanraya MPP

2.6.1 Budaya Berpuak-puak

Marzita Abdullah dalam artikelnya bertajuk ‘Budaya berpuak-puak masih kukuh di setiap IPTA (Utusan Malaysia ,17 September 2004) membincangkan tentang perpecahan di kalangan mahasiswa. Pihak universiti telah menetapkan bahawa calon yang betanding mestilah mewakili diri sendiri, bukan mewakili satu-satu kumpulan atau persatuan. Walau bagaimanapun tinjauan di kalangan pelajar-pelajar dan kakitangan universiti menunjukkan bahawa budaya berpuak-puak dan berkumpulan terutama kecenderungan ke arah sesebuah parti politik masih kukuh di setiap IPTA. Contoh yang jelas wujudnya sikap berpuak-puak ini berlaku di Universiti Malaya (UM) pada hari penamaan calon. Akhbar tersebut melaporkan beberapa kumpulan pelajar dengan sebuah kumpulan lengkap berpakaian seragam, malah kumpulan ini mengasingkan diri seolah-olah mengelak dan tidak mahu bergaul dengan kumpulanlain.

2.6.2 Keadilan dan Kebebasan

SMM telah menghantar memorandum kepada SUHAKAM menuntut pilihanraya kampus yang lebih adil dan telus. SSM yang berperanan melindungi dan menegakkan hak-hak demokrasi mahasiswa di dalam kampus, telah melihat dan menilai beberapa isu dan permasalahan yang berlaku berkenaan sistem pilihanraya kampus IPTA. SMM meminta agar SUHAKAM memberi penumpuan dan bertanggungjawab menyelesaikan beberapa masalah berhubung dasar dan sistem perjalanan pilihanraya MPP. Dalam memorandum tersebut, SMM telah menyatakan beberapa masalah berkaitan pilihanraya kampus seperti ketidakadilan dan penindasan terhadap mahasiswa sebagai pengundi. SMM turut mengemukakan beberapa kes yang berlaku di kampus tertentu seperti perlaksanaan *e-voting* di Universiti Putra Malaysia (UPM), pengambilan nombor siri pada kertas undi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta halangan terhadap mahasiswa untuk menjadi calon di Universiti Teknologi Mara (UiTM). Hak-hak demokrasi yang sepatutnya dinikmati oleh mahasiswa \dinafikan pihak-pihak tertentu dalam universiti yang terlibat.

SMM juga telah mengemukakan beberapa tuntutan kepada SUHAKAM berkenaan permasalahan sistem pilihanraya kampus yang tidak telus. Antara tuntutan SMM ialah mewujudkan satu garis panduan dan etika pilihanraya yang bersifat umum yang boleh digunakan oleh semua kampus. Ini kerana terdapat pelbagai percanggahan antara setiap kampus dan garis panduan sedia ada juga terlalu fleksibel serta dapat diubah suai oleh pihak tertentu. Garis panduan pilihanraya MPP yang dituntut oleh SMM merangkumi tiga aspek penting iaitu tempoh kempen, sistem perjalanan pilihanraya dan sistem pengiraan undi. Garis panduan berkempen diperlukan memandangkan terdapat segelintir calon yang berkempen lebih awal dan melebihi had masa yang dibenarkan. Garis paduan tentang sistem perjalanan pilihanraya juga perlu disediakan memandangkan wujudnya campur tangan pihak luar yang cuba menggunakan pilihanraya kampus untuk kepentingan politik tertentu. Garis panduan mengenai sistem pengiraan undi juga perlu untuk memastikan sistem pengiraan undi yang lebih adil dan telus. Ini kerana terdapat kes yang melibatkan agen calon tidak dibenarkan masuk ke tempat pengiraan undi dan ini adalah bersalah dengan peruntukan dalam panduan calon pilihanraya.

SMM turut menuntut SUHAKAM supaya menubuhkan satu jawatankuasa pemantau yang dipengerusikan oleh SUHAKAM sendiri untuk memantau perjalanan pilihanraya bagi memastikan pihak yang bertanggungjawab melaksanakan proses pilihanraya dengan seterusnya. Tindakan perlu diambil ke atas pihak yang melakukan perkara-perkara yang bercanggah dengan peraturan pilihanraya. Selain itu, SMM juga menuntut agar SUHAKAM menyekat penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa yang menganggu kelancaran proses pilihanraya. Ini disebabkan terdapat individu-individu tertentu yang meyalahgunakan kuasa mereka. SMM menuntut agar sistem pengundian secara *e-voting* dimansuhkan kerana kesahihan sistem tersebut boleh diragui. SMM menyarankan agar SUHAKAM melantik urusetia pilihanraya yang bersikap berkecuali yang tidak memihak kepada mana-mana kumpulan mahasiswa. Tuntutan lain ialah berkaitan dengan isu kebebasan memilih dan dipilih. Sekatan dan penafian hak sebagai mahasiswa menyebabkan terdapat mahasiswa yang mengundi kerana takut dan didesak. Hal ini telah melenyapkan hak demokrasi mahasiswa yang bebas untuk bersuara dan memilih bakal pemimpin mereka sendiri.

BAB III

METODOLOGI KAJIAN


3.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan kaedah-kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini. Melalui bab ini, penjelasan meliputi rekabentuk kajian, model kajian, persampelan, kaedah pengumpulan data, dan kaedah penganalisisan data.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan kesedaran di kalangan mahasiswa terhadap peranan dan tanggungjawab MPP sebagai wakil pelajar di UTM. Menurut Cohen (dalam Mohamad Najib, 1999) kajian kes merupakan usaha mengkaji satu-satu unit pada suatu masa untuk melihat secara intensif peristiwa yang berlaku seterusnya membuat andaian tentang populasi mengenai peristiwa yang sama. Reka bentuk kajian merupakan aspek yang penting bagi memastikan objektif kajian ini tercapai seterusnya kajian yang di jalankan menjadi terancang dan teratur. Reka bentuk kajian ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.1.

Rajah 3.1: Carta Aliran Kajian



3.2 Populasi dan Persampelan

Populasi kajian ini terdiri daripada semua pelajar yang mewakili sepuluh buah fakulti di UTM Skudai. Saiz sampel ditentukan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah di mana pengkaji mengambil seramai lima puluh orang pelajar dari setiap fakulti. Ini menjadikan saiz sampel kajian adalah seramai 500 orang. Penilihian sampel mengikut fakulti pula dibuat berdasarkan kaedah persampelan rawak mudah. Ini adalah untuk memastikan semua pelajar dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk di pilih sebagai responden kajian (Ahmad Mahzan,1997). Menurut Krejcie, R.V dan Morgan D.W. (1970), untuk populasi yang melebihi 30000 orang, jumlah responden seramai 380 orang adalah memadai.

3.3 Kaedah Pengumpulan Data

Pengkaji menggunakan dua kaedah pengumpulan data iaitu menggunakan borang soal selidik dan mengadakan sesi temubual.

3.3.1 Instrumen Kajian

Bagi kajian ini penyelidik menyediakan satu set soal selidik kepada responden kajian ini. Soal selidik ini dibina sendiri oleh penyelidik berdasarkan sorotan literatur dan temubual yang telah dijalankan. Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian iaitu A, B dan C seperti dalam Jadual 3.1.

Jadual 3.1 : Taburan Item Bagi Soal Selidik Kesedaran Mahasiswa terhadap Peranan dan Tanggungjawab MPP sebagai Wakil Pelajar di UTM

Bhgn	Aspek Penilaian	Bil. Item Soalan
A	Latar belakang responden	8
B	i. Tahap kesedaran mahasiswa terhadap kewujudan MPP UTM ii. Tahap kesedaran mahasiswa terhadap peranan dan tanggungjawab MPP UTM iii. Persepsi Mahasiswa terhadap hak mengundi dalam pilihanraya iv. Persepsi Mahasiswa terhadap proses pemilihan wakil MPP	6 16 8 22
C	Soalan pengukuhan	3

Untuk bahagian B, penyelidik menggunakan permakatan Skala Likert yang terdiri dari lima peringkat seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.2.

Jadual 3.2 : Pemarkatan Item-item Skala Likert

Skala	Penerangan Jawapan
1	Sangat Tidak Setuju (STS)
2	Tidak Setuju (TS)
3	Kurang Setuju (KS)
4	Setuju (S)
5	Sangat Setuju (SS)

3.3.2 Temubual

Pengkaji telah mengadakan satu sesi temubual dengan wakil MPP sesi 2003/04. Tujuan mengadakan sesi temubual tersebut adalah untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas tentang peranan, halangan dan cabaran wakil MPP dalam memikul tanggungjawab mereka. Pengkaji juga mendapatkan pandangan wakil MPP tentang sistem pilihanraya kampus.

3.3.3 Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan bertujuan untuk memastikan kebolehpercayaan dan kesahan soalan-soalan dalam set soal selidik kajian ini. Seramai 10 orang pelajar tahun tiga dan empat dipilih sebagai responden. Data yang diperolehi daripada kajian rintis dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package of Social Science (SPSS)*. Hasil ujian kebolehpercayaan adalah seperti dalam Jadual 3.3. Menurut Sekaran (1992), nilai alpha merupakan ketetapan dalaman dan nilai maksimum untuk pekali kebolehpercayaan adalah 1. Jika nilai alpha menunjukkan lebih dari 0.6, maka instrumen yang digunakan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi.

Jadual 3.3 : Nilai Alpha Bagi Pemboleh Ubah yang di Gunakan dalam Soal Selidik

Pembolehubah	<i>Cronbach Alpha</i>		
	Bilangan Item	Kajian Rintis (N=10)	Kajian Sebenar (N=429)
v. Tahap kesedaran mahasiswa terhadap kewujudan MPP UTM	6	0.6720	0.7425
vi. Tahap kesedaran mahasiswa terhadap peranan dan tanggungjawab MPP UTM	16	0.6359	0.9415
vii. Persepsi Mahasiswa terhadap hak mengundi dalam pilihanraya	8	0.9479	0.8651
viii. Persepsi Mahasiswa terhadap proses pemilihan wakil MPP	22	0.8110	0.8149

3.4 Pengumpulan Data

Untuk melancarkan proses pengumpulan data, penyelidik telah melantik empat orang pembenci untuk mengedarkan borang soal selidik. Pembenci memberikan soal selidik secara bersemuka dengan responden dan memungutnya semula sejurus selepas responden selesai menjawab borang soal selidik tersebut.

3.5 Analisis Data

Data-data yang diperolehi dianalisis menggunakan program *SPSS* versi 10.11. Data-data yang diperolehi diolah dengan menggunakan jadual kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Kaedah analisis deskriptif iaitu kekerapan dan peratusan digunakan untuk menjelaskan maklumat tentang demografi responden. Skor min digunakan untuk menentukan tahap kesedaran responden terhadap kewujudan, peranan dan tanggungjawab MPP. Persepsi mahasiswa terhadap hak mengundi dan proses pilihanraya kampus diuraikan menggunakan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Julat skor min bagi menentukan tahap kesedaran responden terhadap MPP adalah seperti dalam Jadual 3.4.

Jadual 3.4 : Julat Skor Min Tahap Kesedaran Responden Terhadap MPP

Julat Skor Min	Tahap Kesedaran
2.34 – 3.00	Tinggi
1.67 – 2.33	Sederhana
1.00 – 1.66	Rendah

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan dapatan yang diperoleh menerusi kajian tinjauan yang dijalankan. Analisis kajian dibuat berdasarkan maklumat yang diperoleh melalui edaran borang soal selidik. Semua data daripada borang soal selidik dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan kaedah taburan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Sejumlah 500 borang soal selidik telah diedarkan kepada mahasiswa tahun satu hingga tahun akhir di UTM. Daripada jumlah tersebut, seramai 429 orang responden telah mengembalikan borang soal selidik untuk dianalisis.

Perkara-perkara yang dibincangkan adalah seperti berikut:

- 4.1 Latar Belakang Responden
 - 4.1.1 Jantina
 - 4.1.2 Tahun Pengajian
 - 4.1.3 Fakulti
 - 4.1.4 Bangsa
 - 4.1.5 Tempat Tinggal Semasa Pengajian
 - 4.1.6 Tempat Asal
- 4.2 Kekerapan Keluar Mengundi Pada Pilihanraya Lepas
- 4.3 Kekerapan Mengundi Sepanjang Pengajian
- 4.4 Tahap Kesedaran Responden Terhadap:
 - 4.4.1 Kewujudan
 - 4.4.2 Peranan dan Tanggungjawab MPP
 - 4.4.3 Tahap Kesedaran Responden Terhadap MPP Mengikut Dimensi
- 4.5 Persepsi Responden Terhadap Hak Mengundi Dalam Pilihanraya
- 4.6 Persepsi Responden Terhadap Proses Pilihanraya Wakil MPP
 - 4.6.1 Wakil Pelajar
 - 4.6.2 Tempoh Berkempen

- 4.6.3 Perjalanan Pilihanraya
- 4.6.4 Pengumuman Pemenang
- 4.7 Persepsi Responden Terhadap Pilihanraya Secara Umum

4.1 Latar Belakang Responden

4.1.1 Jantina

Jadual 4.1 : Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan Responden	Peratus (%)
Lelaki	209	48.7
Perempuan	220	51.3
Jumlah	429	100

Jadual 4.1 menunjukkan taburan responden mengikut jantina. Hasil kajian menunjukkan 51.3% responden adalah perempuan dan 48.7% responden adalah lelaki.

4.1.2 Tahun Pengajian

Jadual 4.2 : Taburan Responden Mengikut Tahun Pengajian

Tahun Pengajian	Bilangan Responden	Peratus (%)
Tahun 1	74	17.2
Tahun 2	59	13.8
Tahun 3	120	28.0
Tahun 4	118	27.5
Tahun Akhir	58	13.5
Jumlah	429	100

Jadual 4.2 pula menunjukkan taburan responden mengikut tahun pengajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar responden terdiri daripada pelajar tahun tiga hingga tahun akhir (69.0%) dan selebihnya adalah pelajar tahun satu dan tahun dua (31.0%).

4.1.3 Fakulti

Jadual 4.3 menunjukkan taburan responden mengikut fakulti . Jumlah terbesar responden adalah pelajar dari FKM (18.6%) dan diikuti oleh pelajar dari FKSG (11.4%). Manakala peratusan responden dari fakulti-fakulti lain adalah secara purata di antara 7% hingga 9%.

Jadual 4.3 : Taburan Responden Mengikut Fakulti

Bil	Bahagian atau Fakulti	Bilangan Responden	Peratus (%)
1	Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia (FPPSM)	42	9.8
2	Fakulti Alam Bina (FAB)	41	9.6
3	Fakulti Kejuruteraan Sains dan Geoinformasi (FKSG)	49	11.4
4	Fakulti Sains (FS)	34	7.9
5	Fakulti Pendidikan (FP)	39	9.1
6	Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli (FKKKSA)	32	7.5
7	Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat (FSKSM)	33	7.7
8	Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA)	37	8.6
9	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	80	18.6
10	Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)	42	9.8
	Jumlah	429	100.0

4.1.4 Bangsa

Jadual 4.4 : Taburan Responden Mengikut Bangsa

Bangsa	Bilangan Responden	Peratus (%)
Melayu	342	79.7
Cina	60	14.0
India	13	3.0
Bumiputera Sabah / Sarawak	14	3.3
Jumlah	429	100

Jadual 4.4 menunjukkan taburan responden mengikut bangsa. Analisis data menunjukkan majoriti responden adalah berbangsa Melayu (79.7%), diikuti oleh bangsa Cina (14.0%). Hanya sejumlah kecil sahaja responden adalah berbangsa India (3.0%) dan Bumiputra Sabah/Sarawak (3.3%).

4.1.5 Tempat Tinggal Semasa Pengajian

Jadual 4.5 : Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Tempat Tinggal Semasa Pengajian.

Tempat tinggal	Bilangan Responden	Peratus (%)
Asrama	345	80.4
Rumah Sewa	78	18.2
Lain-lain	6	1.4
Jumlah	429	100.0

Jadual 4.5 pula menunjukkan taburan responden mengikut tempat tinggal sepanjang pengajian di UTM. Majoriti responden (80.4%) tinggal di asrama, hanya sejumlah kecil responden sahaja (19.6%) tinggal di luar asrama.

4.1.6 Tempat Asal

Jadual 4.6: Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Tempat Asal

Tempat Tinggal	Bilangan Responden	Peratus (%)
Bandar	251	58.5
Luar Bandar	178	41.5
Jumlah	429	100.0

Item tempat asal dibahagikan kepada dua kategori iaitu bandar dan luar bandar (rujuk Jadual 4.6). Dari jumlah keseluruhan responden, lebih daripada separuh (58.5%) responden adalah pelajar yang berasal dari kawasan bandar, manakala selebihnya (41.5%) berasal dari kawasan luar bandar.

4.2 Keluar Mengundi Pada Pilihanraya Lepas.

Jadual 4.7: Taburan Kekerapan dan Peratusan Pelajar yang Keluar Mengundi Pada Pilihanraya Lepas

Keluar Mengundi pada Pilihanraya Lepas	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	327	76.2
Tidak	102	23.8
Jumlah	429	100.0

Jadual 4.7 menunjukkan taburan responden yang keluar mengundi pada pilihanraya lepas. Hasil analisis menunjukkan tiga perempat (76.2%) daripada jumlah responden telah keluar mengundi, manakala selebihnya (23.8%) tidak keluar mengundi.

4.3 Kekerapan Mengundi Sepanjang Pengajian.

Jadual 4.8 pula menunjukkan taburan responden mengikut kekerapan mereka mengundi sepanjang pengajian mereka di UTM. Hasil analisis menunjukkan sebahagian besar (67.4%) responden telah mengundi satu hingga dua kali. Hanya 8.4% sahaja pelajar tidak pernah mengundi sepanjang pengajian mereka.

Jadual 4.8: Taburan Kekerapan Pelajar yang Mengundi Sepanjang Pengajian.

Kekerapan Mengundi	Bilangan Responden	Peratus (%)
1 kali	160	37.3
2 kali	129	30.1
3 kali	73	17.0
4 kali	31	7.2
Tidak pernah	36	8.4
Jumlah	429	100.0

4.4 Tahap Kesedaran Responden Terhadap Kewujudan, Peranan dan Tanggungjawab MPP

Tahap kesedaran responden adalah berdasarkan kepada dua dimensi iaitu kewujudan serta peranan dan tanggungjawab MPP.

4.4.1 Kewujudan MPP

Jadual 4.9: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Responden Terhadap Kewujudan MPP

Bil.	Item Soalan	STS	TS	KS	S	SS	Jumlah	Min	SP
1	Saya tahu tentang kewujudan MPP UTM.	6 1.4 %	5 1.2%	38 8.9%	203 47.2%	177 41.3 %	429 100 %	4.26	0.77
2	Saya diberi penerangan tentang MPP semasa mula mendaftar di UTM	59 13.8 %	51 11.9 %	100 23.3 %	166 38.7 %	53 12.3 %	429 100 %	3.24	1.20
3	Saya mengenali wakil MPP.	74 17.2 %	60 14.0 %	153 35.7 %	102 23.8 %	40 9.3 %	429 100 %	2.94	1.20
4	Saya tahu wakil MPP dipilih melalui pilihanraya kampus.	12 2.8 %	21 4.9 %	51 11.9 %	204 47.6%	141 32.9 %	429 100 %	4.03	0.90
5.	Saya tahu di mana letaknya Bilik Gerakan MPP.	51 11.9 %	47 11.0 %	93 21.7 %	134 31.2 %	104 24.2 %	429 100 %	3.45	1.20
6	Saya tahu MPP merupakan kesatuan yang tertinggi di universiti	19 4.4%	24 5.6 %	59 13.8%	196 45.7 %	131 30.5%	429 100 %	3.93	1.00
Min keseluruhan								3.64	0.72

Jadual 4.9 menunjukkan persepsi pelajar tentang kewujudan MPP. Pengetahuan responden terhadap kewujudan MPP menunjukkan skor min tertinggi iaitu 4.26 (SP=0.77). Ini diikuti oleh pengetahuan responden bahawa wakil-wakil MPP dipilih melalui pilihanraya kampus (skor min 4.03). Walau bagaimanapun responden masih kurang mengenali wakil-wakil MPP berdasarkan skor min 2.94 (SP=1.20)

4.4.2 Peranan dan Tanggungjawab MPP

Jadual 4.10: Taburan Kekerapan dan Peratusan Persepsi Responden Terhadap Peranan dan Tanggungjawab MPP

Bil.	Item Soalan	STS	TS	KS	S	SS	Jumlah	Min	SP
7	MPP menjadi perantara pelajar dengan pihak pentadbiran universiti.	30 7.0 %	27 6.3 %	83 19.3 %	195 45.5 %	94 21.9 %	429 100 %	3.69	1.00
8	MPP sentiasa peka dengan isu-isu yang menyentuh kebajikan pelajar	58 13.5 %	46 10.7 %	150 35.0 %	137 31.9 %	38 8.9 %	429 100 %	3.69	1.14
9	MPP sentiasa menyalurkan permasalahan yang berlaku kepada pihak pentadbiran universiti	45 10.5 %	42 9.8 %	143 33.3 %	156 36.4 %	43 10.0 %	429 100 %	3.26	1.10
10	MPP melakukan program yang boleh menyumbang kepada kecemerlangan akademik dan kerjaya.	35 8.2 %	42 9.8 %	180 42.0 %	155 36.1%	17 4.0 %	429 100 %	3.18	0.90
11	MPP menghebahkan setiap aktiviti MPP kepada warga kampus.	42 9.8%	52 12.1 %	184 42.9 %	136 31.7 %	15 3.5 %	429 100 %	3.07	0.91
12	MPP membina sikap prihatin pelajar terhadap perkembangan isu semasa di dalam dan luar kampus.	43 10.0%	53 12.4 %	184 42.9 %	118 27.5 %	31 7.2 %	429 100 %	3.09	1.01
13	MPP mengembangkan budaya ilmu di kalangan pelajar.	41 9.6%	48 11.2 %	184 42.9 %	133 31.0 %	23 5.4 %	429 100 %	3.12	1.01
14	MPP berperanan untuk mewujudkan budaya perpaduan nasional	28 6.5%	51 11.9 %	134 31.2 %	176 41.0 %	40 9.3 %	429 100 %	3.35	1.02
15	MPP berperanan memastikan aktiviti sosial mahasiswa berjalan lancar (Cth: sukan, kebudayaan, sosial dll)	32 7.5%	44 10.3 %	131 30.5 %	179 41.7 %	43 10.0 %	429 100 %	3.37	1.00
16	Saya merujuk MPP sekiranya mempunyai masalah berkaitan:								
	a) Biasiswa.	102 23.8%	85 19.8 %	130 30.3 %	85 19.8 %	27 6.3 %	429 100 %	2.65	1.21
	b) Tempat tinggal	98 22.8%	90 21.0 %	136 31.7 %	84 19.6 %	21 4.9 %	429 100 %	2.63	1.11
	c) Pengangkutan awam.	86 20.0%	83 19.3 %	134 31.2 %	103 24.0 %	23 5.5 %	429 100 %	2.75	1.10
	d) Tempat letak kenderaan	84 19.6%	79 18.4 %	136 31.7 %	110 25.6 %	20 4.7 %	429 100 %	2.77	1.16

Bil.	Item Soalan	STS	TS	KS	S	SS	Jumlah	Min	SP
	e) Kualiti Makanan di asrama	96 22.4%	80 18.6 %	137 31.9 %	91 21.2 %	25 5.8 %	429 100 %	2.69	1.19
	f) Kemudahan di fakulti (ruang rehat, bilik kuliah dll)	67 15.6%	72 16.8 %	135 31.5 %	129 30.1 %	26 6.1 %	429 100 %	2.94	1.15
	g) Perkhidmatan kaunter	72 16.8 %	80 18.6 %	140 32.6 %	113 26.3 %	24 5.6 %	429 100 %	2.85	1.15
Min keseluruhan								3.03	0.80

Jadual 4.10 menunjukkan persepsi responden terhadap peranan dan tanggungjawab MPP. Hasil kajian menunjukkan responden merasakan MPP kurang memainkan peranannya sebagai wakil pelajar (skor min keseluruhan 3.03, SP= 0.80). Contohnya dapatan kajian menunjukkan 74% responden kurang merujuk kepada MPP jika mempunyai masalah mengenai tempat tinggal, biasiswa, kualiti makanan di asrama, pengangkutan awam, perkhidmatan kaunter, tempat letak kenderaan dan kemudahan-kemudahan lain.

Jadual 4.11: Tahap Keseluruhan Kesedaran Responden Terhadap MPP

Tahap	Kekerapan	Peratus (%)
Rendah	14	3.3
Sederhana	320	74.6
Tinggi	95	22.1
Jumlah	429	100.0

Min Keseluruhan: 2.19

SP: 0.46

Dapatan kajian menunjukkan tahap keseluruhan kesedaran responden terhadap MPP berada di tahap sederhana (skor min =2.19, SP= 0.46).

4.4.3 Tahap Kesedaran Responden Terhadap MPP Mengikut Dimensi

Jadual 4.12: Tahap Kesedaran Responden Terhadap Kewujudan MPP

Tahap	Kekerapan	Peratus (%)
Rendah	21	4.9
Sederhana	195	45.5
Tinggi	213	49.6
Jumlah	429	100.0

Min: 2.45

SP: 0.58

Berdasarkan Jadual 4.12 , tahap kesedaran responden terhadap kewujudan MPP adalah tinggi (skor min=2.45, SP=0.58).

Jadual 4.13: Tahap Kesedaran Responden Terhadap Peranan dan Tanggungjawab MPP

Tahap	Kekerapan	Peratus
Rendah	80	18.6
Sederhana	260	60.6
Tinggi	89	20.8
Jumlah	429	100.0

Min: 2.02

SP: 0.63

Berdasarkan Jadual 4.13, kesedaran responden terhadap peranan dan tanggungjawab MPP berada pada tahap sederhana (skor min=2.02, SP=0.63).

4.5 Persepsi Responden Terhadap Hak Mengundi Dalam Pilihanraya

Jadual 4.14: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Responden Terhadap Hak Mengundi dalam Pilihanraya

Bil.	Item Soalan	STS	TS	KS	S	SS	Jumlah	Min	SP
17	Saya berhak untuk mengundi sebaik sahaja menjadi pelajar UTM.	3 0.7 %	5 1.2 %	42 9.8 %	185 43.1 %	194 45.2 %	429 100 %	4.31	0.75
18	Saya sentiasa menggunakan hak saya untuk mengundi semasa pemilihan MPP.	5 1.2 %	19 4.4 %	67 15.6 %	192 44.8 %	146 34.0 %	429 100 %	4.06	0.88
19	Saya tahu undi saya mempengaruhi keputusan pilihanraya.	7 1.6 %	5 1.2 %	49 11.4 %	224 52.2 %	144 33.6 %	429 100 %	4.15	0.78
20	Saya tahu pilihanraya kampus diadakan setiap tahun	4 0.9 %	8 1.9 %	48 11.2 %	217 50.6 %	152 35.4 %	429 100 %	4.18	0.77
21	Saya setuju pemilihan MPP dibuat setiap tahun.	4 0.9 %	7 1.6 %	62 14.5 %	206 48.0 %	150 35.0 %	429 100 %	4.14	0.78
22	Saya akan keluar mengundi pada pilihanraya akan datang.	11 2.6 %	8 1.9 %	66 15.4 %	199 46.4 %	145 33.8 %	429 100 %	4.07	0.89
23	Pelajar yang keluar mengundi adalah pelajar yang bertanggungjawab	10 2.3 %	11 2.6 %	69 16.1 %	167 38.9 %	172 40.1 %	429 100 %	4.12	0.92
24	Saya akan berasa rugi jika tidak mengundi	20 4.7 %	24 5.6 %	129 30.1 %	144 33.6 %	112 26.1 %	429 100 %	3.71	1.05
Min keseluruhan								4.09	0.61

Jadual 4.14 memaparkan tentang persepsi responden terhadap hak mengundi di kalangan mahasiswa UTM dalam pilihanraya. Hasil kajian menunjukkan bahawa responden tahu tentang hak mereka untuk mengundi dalam pilihanraya universiti berdasarkan kepada skor min 4.09 (SP=.0.61) Ini dapat dibuktikan apabila hampir 90% responden tahu bahawa mereka berhak mengundi sebaik sahaja mendaftar di UTM. Malah hampir 60% responden berasa rugi jika tidak mengundi. Namun begitu peratusan responden yang tidak berasa rugi jika tidak mengundi juga agak tinggi (40.4%).

4.6 Persepsi Responden Terhadap Proses Pemilihan Wakil MPP

4.6.1 Wakil Pelajar

Jadual 4.15: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Persepsi Responden Terhadap Wakil Pelajar

Bil.	Item Soalan	STS	TS	KS	S	SS	Jumlah	Min	SP
25	Saya kenal :	79	67	167	88	28	429	2.81	1.15
	a) Calon umum MPP	18.4 %	15.6 %	38.9 %	20.5 %	6.5 %	100 %		
	b) Calon fakulti MPP.	61	62	117	138	51	429	3.13	1.22
26	Calon yang saya pilih adalah berdasarkan:	50	34	99	173	73	429	3.43	1.20
	a) Bangsa	11.7 %	7.9 %	23.1%	40.3 %	17.0 %	100 %		
	b) Personaliti (Cth: ramah, baik).	28	20	76	203	102	429	3.77	1.06
	c) Penampilan (Cth: segak dll).	6.5 %	4.7 %	17.7%	47.3%	23.8 %	100 %		
	d) Kepimpinan.	26	13	100	193	97	429	3.75	1.03
		6.1 %	3.0 %	23.3 %	45.0 %	22.6 %	100 %		
		17	11	51	156	194	429	4.16	1.00
		4.0 %	2.6 %	11.9 %	36.4 %	45.2 %	100 %		
27	Saya kenal calon MPP melalui:	17	13	57	221	121	429	3.96	0.94
	a) Poster.	4.0%	3.0 %	13.3 %	51.5 %	28.2 %	100 %		
	b) Perjumpaan tidak rasmi (Cth; lawatan bilik ke bilik).	101	67	132	110	19	429	2.72	1.20
		23.5 %	15.6 %	30.8 %	25.6 %	4.4 %	100 %		
	c) Ceramah umum / pidato umum	125	66	127	88	23	429	2.57	1.25
		29.1 %	15.4 %	29.6 %	20.5 %	5.4 %	100 %		
28	Syarat CPA 2.8 keatas untuk menjadi wakil MPP adalah memadai	48	47	127	141	66	429	3.30	1.18
		11.2%	11.0%	29.6%	32.9%	15.4%	100%		
Min keseluruhan								3.36	0.57

Berdasarkan Jadual 4.15, secara keseluruhan responden kurang mengenali wakil pelajar yang bertanding dalam pemilihan wakil MPP (skor min= 3.36, SP=0.57). Ini dapat dilihat apabila sebahagian besar (72.9%) responden tidak mengenali calon umum MPP. Manakala 56.0% responden tidak mengenali calon fakulti MPP. Dapatan kajian juga menunjukkan majoriti responden (79.7%) mengenali calon MPP menerusi poster. Saluran lain seperti perjumpaan tidak rasmi dan ceramah umum kurang berjaya.

Dari segi pemilihan calon, faktor-faktor seperti bangsa, personaliti dan penampilan mencatatkan skor min yang tinggi. Walau bagaimanapun, kepimpinan merupakan faktor utama pilihan responden (skor min = 4.16).

4.6.2 Tempoh Berkempen

Jadual 4.16: Taburan Kekerapan dan Peratusan Persepsi Responden Terhadap Tempoh Berkempen

Bil .	Item Soalan	STS	TS	KS	S	SS	Jumlah	Min	SP
29	Saya sedar tempoh berkempen hanya seminggu	48 11.2 %	41 9.6 %	142 33.1 %	152 35.4 %	46 10.7 %	429 100 %	3.25	1.18
30	Tempoh berkempen mencukupi.	56 13.1 %	69 16.1 %	118 27.5 %	143 33.3 %	43 10.0 %	429 100 %	3.11	1.21
31	Saya berpeluang untuk berdialog dengan calon MPP.	135 31.5 %	87 20.3 %	118 27.5 %	70 16.3 %	19 4.4 %	429 100 %	2.42	1.21
32	Saya mendapat maklumat yang cukup tentang aktiviti kempen pilihanraya	115 26.8 %	59 13.8 %	135 31.5%	103 24.0%	17 4.0 %	429 100 %	2.64	0.96
Min keseluruhan								2.85	0.90

Jadual 4.16 menunjukkan persepsi mahasiswa terhadap tempoh berkempen bagi calon-calon yang bertanding dalam pilihanraya kampus UTM. Secara keseluruhan, responden tidak bersetuju dengan tempoh berkempen berdasarkan kepada skor min 2.86 (SP=0.90). Tempoh berkempen yang singkat menyebabkan 79.3% responden menyatakan mereka tidak mempunyai peluang untuk berdialog dengan calon MPP. Responden juga kurang mendapat maklumat tentang aktiviti kempen pilihanraya (72.1%)

4.6.3 Perjalanan Pilihanraya

Jadual 4.17: Taburan Kekerapan dan Peratusan Persepsi Responden Terhadap Perjalanan Pilihanraya

Bil .	Item Soalan	STS	TS	KS	S	SS	Jumlah	Min	SP
33	Bilik yang disediakan untuk mengundi adalah sesuai	18 4.2 %	26 6.1 %	92 21.4 %	218 50.8 %	75 17.5 %	429 100 %	3.71	1.02
34	Pemerhati pilihanraya dilantik oleh urusetia MPP.	35 8.2 %	34 7.9 %	143 33.3 %	180 42.0 %	37 8.6 %	429 100 %	3.35	0.96
35	Saya berpuashati dengan pengurusan pilihanraya yang dijalankan oleh urusetia pilihanraya.	22 5.1 %	29 6.8 %	121 28.2 %	204 47.6 %	53 12.4 %	429 100 %	3.35	0.91
36	Sesi pengiraan undi patut dihadiri oleh setiap calon	11 2.6 %	15 3.5 %	80 18.6 %	200 46.6 %	123 28.7 %	429 100 %	3.95	1.10
Min keseluruhan								3.64	0.67

Jadual 4.17 menunjukkan persepsi mahasiswa terhadap perjalanan pilihanraya kampus. Min keseluruhan ($M=3.64$, $SP=0.67$) menunjukkan responden kurang bersetuju terhadap perjalanan pilihanraya. Hasil kajian menunjukkan sebilangan besar (68.3%) responden bersetuju menyatakan bahawa bilik yang disediakan untuk mereka mengundi adalah sesuai dan separuh (50.6%) responden menyatakan bahawa

mereka bersetuju pemerhati pilihanraya dilantik oleh urusetia MPP. Manakala seramai 212 orang (49.4%) responden tidak bersetuju pemerhati pilihanraya di lantik oleh urusetia MPP. Hasil kajian juga menunjukkan lebih separuh (59.9%) responden berpuashati dengan urusetia pilihanraya yang menguruskan perjalanan pilihanraya kampus manakala seramai 172 orang (40.1%) responden tidak berpuashati dengan urusetia pilihanraya berhubung pengurusan perjalanan pilihanraya. Walaupun begitu, tiga per empat (75.3%) responden merasakan bahawa calon yang bertanding dalam pilihanraya kampus patut hadir dalam sesi pengiraan undi.

4.6.4 Pengumuman Pemenang

Jadual 4.18: Taburan Kekerapan dan Peratusan Persepsi Responden Terhadap Pengumuman Pemenang

Bil.	Item Soalan	STS	TS	KS	S	SS	Jumlah	Min	SP
37	Keputusan pilihanraya mudah & cepat di ketahui melalui:								
	a) Tempat pengumuman pemenang.	38 8.9 %	29 6.8 %	123 28.7 %	173 40.3 %	66 15.4 %	429 100 %	3.46	1.10
	b) Rakan-rakan.	29 6.8 %	28 6.5 %	131 30.5 %	182 42.4 %	59 13.8 %	429 100 %	3.49	1.01
	c) Internet.	58 13.5 %	53 12.4 %	140 32.6 %	136 31.7 %	42 9.8 %	429 100 %	3.12	1.16
	d) Laporan akhbar.	74 17.2 %	49 11.4 %	141 32.9 %	129 30.1%	36 8.4 %	429 100 %	3.01	1.20
Min keseluruhan								3.27	0.80

Jadual 4.18 menunjukkan persepsi mahasiswa terhadap pengumuman pemenang bagi calon-calon yang bertanding dalam pilihanraya kampus UTM. Hasil kajian menunjukkan responden kurang bersetuju dengan pengumuman pemenang

berdasarkan skor min 3.27 (SP= 0.80). lebih separuh (55.7%) responden menyatakan bahawa mereka lebih mudah dan cepat mendapat tahu keputusan pilihanraya kampus melalui pengumuman pemenang di tempat pengiraan undi atau tempat pemgumuman pemenang. Seramai 241 orang (56.1%) responden juga menyatakan bahawa cara yang cepat dan mudah untuk mengetahui keputusan pilihanraya kampus adalah melalui rakan-rakan. Walau bagaimanapun, lebih separuh (59.5%) responden tidak bersetuju mengatakan bahawa keputusan pilihanraya kampus lebih cepat dan mudah di ketahui melalui internet. Hal ini juga berlaku kepada laporan akhbar. Sejumlah besar (61.5%) responden turut tidak bersetuju menyatakan bahawa keputusan pilihanraya kampus lebih cepat dan mudah di ketahui melalui laporan akhbar.

4.7 Persepsi Resonden Terhadap Pilihanraya Secara Umum

Jadual 4.19: Taburan Kekerapan dan Peratusan Persepsi Resonden Terhadap Pilihanraya Secara Umum

Bil.	Item Soalan	Ya	Tidak	Jumlah
38	Saya sedar bahawa pilihanraya kampus merupakan persediaan untuk saya menghadapi pilihanraya sebenar.	374 87.2 %	55 12.8 %	429 100 %
39	Pilihanraya kampus UTM dijalankan dengan cekap dan berkesan.	291 67.8%	138 32.2%	429 100%

Jadual 4.19 menunjukkan persepsi responden terhadap keseluruhan proses pilihanraya. Dapatan kajian menunjukkan 67.8% responden bersetuju bahawa pilihanraya kampus UTM telah dijalankan dengan cekap dan berkesan. Namun begitu, peratus responden yang tidak berpuas hati dengan perjalanan pilihanraya juga agak tinggi (32.2%). Mereka yang tidak bersetuju telah memberi komen mereka yang akan dibincangkan dalam Bab V. Dapatan kajian juga mendapati majoriti (87.2%) responden mengakui bahawa pilihanraya kampus merupakan persediaan awal untuk mereka menghadapi pilihanraya sebenar.

BAB V

PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan hasil dapatan kajian yang merangkumi pencapaian objektif dan rumusan pengkaji tentang dapatan kajian. Bab ini juga mengemukakan cadangan-cadangan kepada pihak UTM dan cadangan untuk kajian lanjutan.

5.1 Latar Belakang Responden

Dari segi jantina responden, terdapat keseimbangan antara lelaki dan perempuan, dan sebahagian besar adalah pelajar tahun tiga hingga tahun akhir. Mereka ini mewakili sepuluh fakulti dan FKM mewakili responden yang paling ramai diikuti FKSG, FPPSM, FKE, FP dan lain-lain. Dari segi bangsa pula, majoriti responden berbangsa Melayu dan tinggal di asrama. Dilihat daripada kekerapan responden mengundi pada pilihanraya lepas, didapati sebahagian besar (76.2%) telah keluar mengundi dan sebahagian besar juga (67.4%) telah mengundi antara satu hingga tiga kali sepanjang pengajian di UTM.

5.2 Kewujudan MPP

Walaupun responden tahu tentang kewujudan MPP (dalam soalselidik yang tidak berstruktur), namun mereka tidak mengenali wakil MPP. Ini adalah kerana menurut responden, aktiviti-aktiviti yang secara umumnya badan perwakilan pelajar wujud di semua pusat pengajian tinggi awam ataupun swasta. Sebagai seorang pelajar, badan perwakilan pelajar merupakan saluran rujukan pelajar terutamanya dalam hal-hal akademik dan kebajikan pelajar. Maka tidak hairanlah peratusan pelajar yang mengetahui kewujudan MPP di UTM adalah tinggi (88.5%). Malah mereka tahu MPP merupakan kesatuan tertinggi di universiti (76.2%). Tambahan lagi tidak mungkin kewujudan MPP tidak diketahui pelajar kerana pilihanraya MPP diadakan setiap tahun. Malahan pihak universiti juga telah mengambil inisiatif memperkenalkan MPP kepada pelajar-pelajar baru semasa minggu orientasi pelajar baru.

Walaupun respondem tahu tentang kewujudan MPP, namun mereka tidak mengenali wakil MPP. Ini adalah kerana menurut responden (dalam soal selidik yang tidak berstruktur, *open ended*), aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh MPP tidak menyerlah. Tempoh Proses pilihanraya yang singkat serta kurang promosi mengenai aktiviti MPP juga menyumbang kepada situasi ini.

Bagi pihak MPP pula, mereka berpendapat sebahagian daripada tugas-tugas MPP bertindan di mana beberapa fungsi MPP turut dilaksanakan oleh pihak-pihak lain seperti Hal Ehwal Pelajar, felo asrama, persatuan-persatuan pelajar dan sebagainya. Ini menyebabkan fungsi MPP sebagai badan perantara bagi menangani isu-isu tersebut kurang dimanfaatkan (berdasarkan perbincangan dan perbualan yang telah diadakan dengan bekas presiden MPP sesi 2003/2004 pada 18 September 2004)

5.3 Peranan dan Tanggungjawab MPP

Responden kurang jelas tentang peranan dan tanggungjawab MPP yang menyeluruh. Ini dapat diperjelaskan berdasarkan kepada praktis MPP di UTM di mana dasar MPP berubah-ubah mengikut perubahan pucuk pimpinan badan MPP. Memandangkan tempoh perkhidmatan yang singkat iaitu satu tahun, agak sukar bagi MPP meninggalkan kesan yang mendalam tentang peranan dan tanggungjawab mereka ke atas pelajar. Perubahan dasar yang berlaku adalah disebabkan pertukaran setiap kali pucuk pimpinan MPP yang dipilih dan hanya diberi peruntukan sebanyak RM10000. Jumlah ini tidak mencukupi bagi mereka melaksanakan kesemua fungsi mereka.

Berdasarkan kepada AUKU, MPP wajib menjalankan dua peranan utama iaitu menjaga kebijakan pelajar dan akademik. Namun begitu MPP telah gagal melaksanakan tanggungjawab kebijakan pelajar dengan berkesan. Ini dapat dibuktikan apabila responden kurang merujuk kepada MPP bagi isu yang berkaitan dengan hal ehwal kebijakan pelajar seperti biasiswa, tempat tinggal, pengangkutan awam, isu makanan di asrama dan sebagainya.

5.4 Hak Mengundi Dalam Pilihanraya

Secara keseluruhannya responden tahu akan hak mereka untuk mengundi dan sedar bahawa undian mereka boleh mempengaruhi keputusan pilihanraya. Bagaimanapun peratusan responden yang tidak merasa rugi jika tidak mengundi juga agak tinggi (41.1%). Ini mencerminkan kesedaran responden terhadap tanggungjawab mereka sebagai warga universiti masih lagi rendah dan perlu dipertingkatkan.

5.5 Proses Pemilihan Wakil MPP

5.5.1 Wakil Pelajar

Responden kurang mengenali calon MPP samada calon umum mahupun calon fakulti. Usaha calon yang bertanding untuk mendekati responden masih kurang. Ini disebabkan perjumpaan tidak rasmi dan ceramah umum masih kurang dipraktikkan dengan berkesan maka tidak hairanlah kebanyakannya responden mengenali calon menerusi poster. Scenario ini memberi kesan terhadap corak pemilihan responden. Walaupun faktor kepimpinan menjadi faktor utama pemilihan calon, namun adalah sukar bagi responden untuk menilai ciri tersebut sekiranya tiada usaha dijalankan atau dibenarkan oleh pihak UTM untuk calon mendekati pengundi. Kecenderungan responden untuk memilih wakil MPP berdasarkan kepada bangsa, personaliti dan penampilan wujud kerana ketiadaan kaedah yang sesuai dalam usaha untuk mendekati responden.

5.5.2 Tempoh Berkempen

Tempoh berkempen yang diperuntukkan oleh AUKU bagi calon yang bertanding adalah tidak mencukupi. Tempoh yang singkat ini membataskan usaha calon untuk mendekati responden dan sebaliknya. Menyedari hal ini calon hendaklah dan perlu membuat perancangan awal dan teratur.

5.5.3 Perjalanan Pilihanraya

Mengikut peraturan pilihanraya UTM, semua calon MPP tidak dibenarkan untuk menghadiri sesi pengiraan undi. Ini boleh menimbulkan isu ketelusan proses pengiraan undi pilihanraya. Ini selaras dengan dapatan kajian yang menunjukkan majoriti responden tidak bersetuju dengan prosedur ini. Ini diperkuatkan lagi dengan memorandum yang dihantar oleh Solidariti Mahasiswa Malaysia (12 Ogos 2004) kepada Suhakam yang memohon supaya diadakan satu garis panduan yang jelas tentang hak calon untuk menghadiri sesi pengiraan undi.

5.5.4 Pengumuman Pemenang

Kebanyakan responden mengetahui keputusan pilihanraya dengan mudah dan cepat menerusi tempat pengumuman pemenang dan juga daripada rakan-rakan berbanding dengan kemudahan internet. Dapatan kajian ini agak mengejutkan kerana penggunaan internet sepatutnya menjadi media yang utama kepada pelajar untuk mendapatkan keputusan pilihanraya kerana ciri-cirinya yang mudah dan pantas.

5.6 Rumusan

Secara keseluruhannya hasil kajian ini menunjukkan bahawa tahap kesedaran pelajar terhadap kewujudan serta peranan dan tanggungjawab MPP adalah sederhana. Ini bermakna pihak MPP dan universiti perlu mempertingkatkan kesedaran pelajar terhadap MPP. Di samping itu persepsi pelajar terhadap keseluruhan proses pilihanraya juga adalah sederhana. Oleh itu masih banyak lagi ruang yang perlu diperbaiki bagi memastikan proses pilihanraya berjalan dengan teratur dan telus.

5.7 Cadangan Penyelidik

- ◆ Mewujudkan suasana sebenar pilihanraya. Setiap kali pilihanraya diadakan, mahasiswa tidak begitu merasakan suasana pilihanraya. Pihak universiti perlu cara dan kaedah untuk menghidupkan suasana pilihanraya agar timbul minat mahasiswa yang mendalam untuk sama-sama meneghidupkannya.
- ◆ Melanjutkan tempoh kempen pilihanraya kerana tempoh yang sedia ada menjadi kekangan kepada calon untuk memperkenalkan diri pada pengundi dan membuat persediaan pilihanraya.
- ◆ Pihak universiti khususnya Pusat Kaunseling dan Kerjaya (PKK) atau HEP mengambil inisiatif memberi taklimat ringkas kepada calon tentang peranan mereka sebagai wakil pelajar semasa kempen pilihanraya supaya pengundi

mengenali personaliti calon dengan lebih dekat dan memotivasi pelajar untuk melaksanakan hak mereka pada hari mengundi.

- ◆ Fungsi MPP perlu di semak semula kerana terdapat pertindanan fungsi dengan badan-badan lain seperti HEP, PKK dan lain-lain.
- ◆ Struktur organisasi MPP perlu disemak semula untuk mengecilkan bilangan jabatan agar peranan dan fungsi MPP menjadi lebih fokus dan berkesan.
- ◆ Pihak HEP perlu menerangkan kepada calon cara yang paling baik dan berkesan untuk mempromosi diri kepada pelajar dengan menggunakan konsep ‘aktifkan diri’.
- ◆ MPP perlu memainkan peranan yang berkesan dalam menyebarkan maklumat tentang fungsi dan peranan MPP sejurus pelajar memasuki IPT agar mereka tahu kemana mereka perlu rujuk jika berhadapan dengan masalah biasiswa, tempat tinggal, pengangkutan dan lain-lain, kerana perjuangan MPP lebih berkesan untuk mewakili suara pelaja-pelajar di kampus.
- ◆ Pihak HEP dan MPP perlu mengadakan kaedah yang lebih berkesan untuk meningkatkan kesedaran pelajar tentang kepentingan mengundi diperingkat awal pelajar mendaftar di IPT. Contoh, mengadakan program sehari bersama MPP atau merancang aktiviti-aktiviti yang dapat merapatkan silaturahim antara MPP dengan pelajar secara berterusan. Aktiviti-aktiviti tersebut seharusnya dilaksanakan ditempat-tempat yang strategik dan mudah bagi pelajar menghadirinya.
- ◆ Pihak UTM perlu memberi pertimbangan dari segi pengiraan undi, agar calon-calon dibenarkan berada di tempat pengiraan undi bertujuan agar pilihanraya yang dijalankan lebih telus dan adil.
- ◆ Pihak HEP mewajibkan pidato umum kepada semua calon yang bertanding dalam pilihanraya. Topik pidato mestilah tidak menyentuh isu-isu sentitif dan tidak melanggar AUKU. Tujuannya ialah untuk :

- Melatih dan melahirkan bakal-bakal pemimpin yang berkaliber.
- Memperkenalkan diri calon kepada pengundi agar pengundi tahu keupayaan sebenar calon tersebut.
- Memberi panduan kepada pelajar-pelajar lain mengenai ciri-ciri pemimpin yang efektif dan cekap.

5.8 Cadangan Kajian Lanjutan:

- i) Saranan membuat penyelidikan secara kualitatif untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat tentang isu-isu pilihanraya kampus.
- ii) Kajian kualitatif secara mendalam ke atas pelajar yang mengambil sikap sambil lewa berkaitan isu-isu pilihanraya kampus.
- iii) Kajian tentang atribut kepimpinan pelajar.

BIBLIOGRAFI

Akta Universiti dan Kolej Universiti.

Hafiz Mohd Baqi (2004), ‘Suhakam diminta memantau pilihanraya kampus’.
www.idealismahasiswa.net/artikel.

‘Hanya 41 peratus siswa UIAM mengundi’ Harian Metro 21 Disember 2002

Kamus Dewan (2003). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Krejcie, R.V and Morgan D.W. Determining Sample Size For Research Education
and Psychological Measurement, 1970, 30, 607-610

Marzita Abdullah (2004), ‘Budaya berpuak-puak masih kukuh di setiap IPTA’,
Utusan Malaysia Jumaat 17 September, 2004.

Mohd Najib Abd. Ghafar (1999). “Penyelidikan Pendidikan” Edisi Pertama.

Nizam Razak (2003), Memupuk Keprihatinan Pelajar: Tamadun, Mac 2003

‘Pelajar IPTA diingat kempen secara sihat’ Utusan Malaysia, 1s September 2004.

‘Pilihan raya kampus: Semua pelajar wajib mengundi’ Berita Harian 14 Ogos 2004

‘Proses pilihan raya kampus telus’, Utusan Malaysia, 15 September 2004.

Pejabat Hal Ehwal Pelajar, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor.

Peraturan dan Syarat Pilihanraya Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Teknologi
Malaysia 2004, Urusetia Pilihanraya MPM, Pejabat Hal Ehwal Pelajar, UTM,
Skudai Johor

Peraturan dan Panduan Pemilihan Majlis Perwakilan Mahasiswa Universiti Malaysia
Sesi 2004/2005, Jawatankuasa Induk Pemilihan. Majlis Perwakilan Mahasiswa
Universiti Malaya Sesi 2004/2005

‘Peratus pengundi USM meningkat’ Harian Metro 20 Disember 2002

Rosmida Abdul Rahman, (1999) ‘Kembalikan Student Power’, Tamadun, November 1997, ms56.

Sekaran, Uma (1992) Research Methods for Business. 2nd ed. Singapore : John Wiley & Sons, Inc

Solidariti Mahasiswa Malaysia: Memorandum Mahasiswa Menuntut Pilihanraya kampus Yang Bebas dan Adil kepada Suruhanjaya Hak Asasi manusia Malaysia (SUHAKAM). 12 Ogos 2004.

Syed Ahmad Hussin, (1992). Pengantar Sains Politik. Kuala Lumpur, dewan Bahasa dan Pustaka

<http://utmonline.utm.my>

<Http://www.idelis-mahasiswa.net/artikel>

<http://www.utm.My/Skudaipostonline.>

<http://www.mahasiswanegara.net>



FAKULTI PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

TAJUK KAJIAN:

*KAJIAN SIKAP GOLONGAN BERPOTENSI TERHADAP
PENDAFTARAN SEBAGAI PEMILIH DAN PENYERTAAN DALAM
PROSES PILIHAN RAYA DI MALAYSIA*

TUAN/PUAN,

KAJIAN INI BERTUJUAN UNTUK MENGENALPASTI PROFIL MEREKA (22 HINGGA 40 TAHUN) YANG LAYAK MENDAFTAR SEBAGAI PENGUNDI TETAPI MASIH BELUM MENDAFTAR. DI SAMPING MENGENALPASTI FAKTOR-FAKTOR YANG MENYEBABKAN MEREKA TIDAK MENDAFTAR. SEHUBUNGAN ITU, TUAN/PUAN TELAH DIPILIH UNTUK MEMBERIKAN MAKLUMAT BAGI MENJAYAKAN KAJIAN INI. SEGALA MAKLUMAT YANG DIBERIKAN DI DALAM SOAL SELIDIKINI ADALAH SULIT DAN HANYA AKAN DIGUNAKAN UNTUK TUJUAN KAJIAN SAHAJA. KERJASAMA TUAN/PUAN MENJAWAB SOAL SELIDIKINI DENGAN LENGKAP SANGAT DIHARGAI DAN DIDAHULUI DENGAN UCAPAN TERIMA KASIH.

PENYELIDIK :

Prof. Madya Dr. Durrishah bt. Idrus (Ketua)
Pn. Hamidah bt. Ab. Rahman
En. Ishak b. Md. Shah
En. Husain b. Mahmood
Cik Norashikin bt. Mahmud



FAKULTI PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN
SUMBER MANUSIA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BORANG SOAL SELIDIK

TAJUK KAJIAN :

**KESEDARAN MAHASISWA TERHADAP PERNANAN DAN
TANGGUNGJAWAB MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)
SEBAGAI WAKIL PELAJAR DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
(UTM)**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Pelajar yang dihormati,
Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia telah dipertanggungjawabkan oleh Pusat Pengurusan kajian (RMC) untuk menjalankan kajian ini. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesedaran pelajar terhadap peranan dan tanggungjawab MPP sebagai wakil pelajar di UTM dan mengenalpasti persepsi pelajar terhadap proses pilihanraya kampus. Sehubungan itu anda telah dipilih untuk memberikan maklumat bagi melaksanakan kajian ini. Segala maklumat yang diberikan dalam soal selidik ini adalah sulit dan hanya akan digunakan untuk tujuan kajian sahaja. Kerjasama anda menjawab soal selidik ini sangat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Penyelidik :

Hamidah binti Ab. Rahman (K)
Dr Nik Hasnaa Bte Nik Mahmood
Roziana bt Shaari
Dr Rozeyta Omar
Salwa bt Abdul Patah
Lily Suriani bt Mohd Arif

Vot Projek: 75005 (RMC)

BAHAGIAN A : LATAR BELAKANG RESPONDEN

Sila tandakan (✓) pada jawapan yang sesuai

1. Jantina:

<input type="checkbox"/> Lelaki	<input type="checkbox"/> Perempuan
---------------------------------	------------------------------------

2. Tahun Pengajian:

<input type="checkbox"/> Tahun satu	<input type="checkbox"/> Tahun tiga	<input type="checkbox"/> Tahun akhir
<input type="checkbox"/> Tahun dua	<input type="checkbox"/> Tahun empat	

3. Fakulti:

1	Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia (FPPSM)	
2	Fakulti Alam Bina (FAB)	
3	Fakulti Kejuruteraan Sains dan Geoinformasi (FKSG)	
4	Fakulti Sains (FS)	
5	Fakulti Pendidikan (FP)	
6	Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli (FKKSA)	
7	Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat (FSKSM)	
8	Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA)	
9	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	
10	Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)	

4. Bangsa:

<input type="checkbox"/> Melayu	<input type="checkbox"/> India	<input type="checkbox"/> Lain-lain (Nyatakan): _____
<input type="checkbox"/> Cina	<input type="checkbox"/> Bumiputra Sabah/Sarawak	

5. Tempat Tinggal Sekarang:

<input type="checkbox"/> Asrama	<input type="checkbox"/> Rumah sewa
<input type="checkbox"/> Lain-lain (Nyatakan) _____	

6. Lokasi Tempat Asal:

<input type="checkbox"/> Bandar	<input type="checkbox"/> Luar Bandar
---------------------------------	--------------------------------------

**BAHAGIAN B : TAHAP KESEDARAN MAHASISWA TERHADAP MPP
UTM**

7. Anda keluar mengundi pada pilihanraya yang lepas?

Ya Tidak

8. Sepanjang pengajian anda di UTM, berapa kalikah anda telah keluar mengundi?

Sekali Empat kali
 Dua kali Tidak pernah
 Tiga kali

Berdasarkan Skala Likert berikut,sila bulatkan pilihan anda.

1. Sangat Tidak Setuju (STS)
2. Tidak Setuju (TS)
3. Kurang Setuju (KS)
4. Setuju (S)
5. Sangat Setuju (SS)

	S	SS	STS	TS	KS
1. Saya tahu tentang kewujudan MPP UTM. 5			1	2	3
2. Saya diberi penerangan tentang MPP semasa mula mendaftar di UTM. 4 5			1	2	3
3. Saya mengenali wakil MPP. 4 5			1	2	3
4. Saya tahu wakil MPP di pilih melalui pilihanraya kampus. 4 5			1	2	3
5. Saya tahu di mana letaknya Bilik Gerakan MPP. 4 5			1	2	3
6. Saya tahu MPP merupakan kesatuan yang tertinggi di universiti. 4 5			1	2	3
7. MPP menjadi perantara pelajar dengan pihak			1	2	3

			1	2	3
4	5				
8. MPP sentiasa peka dengan isu-isu yang menyentuh kebajikan pelajar.			1	2	3
4	5				
9. MPP sentiasa menyalurkan permasalahan yang berlaku kepada pihak pentadbiran universiti.			1	2	3
4	5				
			STS	TS	KS
S	SS				
10. MPP melakukan program yang boleh menyumbang kepada kecemerlangan akademik dan kerjaya.			1	2	3
4	5				
11. MPP menghebahkan setiap aktiviti MPP kepada warga kampus.			1	2	3
4	5				
12. MPP membina sikap prihatin pelajar terhadap perkembangan isu semasa di dalam dan luar kampus.			1	2	3
4	5				
13. MPP mengembangkan budaya ilmu di kalangan pelajar.			1	2	3
4	5				
(Cth: kempen galakan membaca)					
14. MPP berperanan untuk mewujudkan budaya perpaduan nasional.			1	2	3
4	5				
15. MPP berperanan memastikan aktiviti social mahasiswa berjalan lancar (Cth: Sukan, kebudayaan)			1	2	3
4	5				
16. Saya merujuk MPP sekiranya mempunyai masalah berkaitan:					
a) Biasiswa.			1	2	3
4	5				

- | | | | | |
|----|---|---|---|---|
| b) | Tempat tinggal. | 1 | 2 | 3 |
| 4 | 5 | | | |
| c) | Pengangkutan awam. | 1 | 2 | 3 |
| 4 | 5 | | | |
| d) | Tempat letak kenderaan. | 1 | 2 | 3 |
| 4 | 5 | | | |
| e) | Kualiti makanan di asrama. | 1 | 2 | 3 |
| 4 | 5 | | | |
| f) | Kemudahan di Fakulti (contoh: ruang
Rehat, Bilik kuliah, lain-lain) | 1 | 2 | 3 |
| 4 | 5 | | | |
| g) | Perkhidmatan kaunter (Cth: unit keselamatan,
PSZ, pentadbiran dll) | 1 | 2 | 3 |
| 4 | 5 | | | |
| h) | Lain-lain kemudahan dalam kampus
Nyatakan: | | | |

-

-

17. Saya berhak untuk mengundi sebaik sahaja menjadi pelajar UTM. 1 2 3
4 5

18. Saya sentiasa menggunakan hak saya untuk mengundi semasa pemilihan MPP. 1 2 3
4 5

	STS	TS	KS	SS
19. Saya tahu undi saya mempengaruhi keputusan pilihanraya.	1	2	3	
4 5				
20. Saya tahu pilihanraya kampus diadakan setiap tahun.	1	2	3	
4 5				

21. Saya setuju pemilihan MPP dibuat setiap tahun. 1 2 3
4 5

22. Saya akan keluar mengundi pada pilihanraya akan datang. 1 2 3
 4 5

23. Pelajar yang keluar mengundi adalah pelajar yang bertanggungjawab. 1 2 3

4 5
24. Saya akan berasa rugi jika tidak mengundi. 1 2 3

25. Summary:

a) Calor umum MBR 1 2 3

b) Calon fakulti MPP. 1 2 3
4 5

26. Calon yang saya pilih adalah berdasarkan faktor:

a) Bangsa. 1 2 3
4 5

b) Personaliti (Cth: ramah, baik). 1 2 3
4 5

c) Penampilan (Cth: segak dll). 1 2 3
4 5

d) Kepimpinan. 1 2 3
4 5

e) Lain-lain (nyatakan) _____

27. Saya kenal calon MPP ini dalam...

a) Foster. 4 5

3) Perjumpaan tidak rasmi (Cth, lawatan blink ke blink). 1 2 3

c) Ceramah umum / pidato umum. 1 2 3
4 5

4 5

29. Saya sedar tempoh berkempen hanya seminggu. 1 2 3
4 5

30. Tempoh berkempen adalah mencukupi. 1 2 3
4 5

31. Saya berpeluang untuk berdialog dengan calon MPP. 1 2 3
4 5

32. Saya mendapat maklumat yang cukup tentang aktiviti kempen pilihanraya. 1 2 3
4 5

33. Bilik yang disediakan untuk mengundi adalah sesuai. 1 2 3
4 5

34. Pemerhati pilihanraya dilantik oleh urusetia MPP 1 2 3
4 5

35. Saya berpuashati dengan pengurusan pilihanraya yang dijalankan oleh urusetia pilihanraya. 1 2 3
4 5

STS TS KS

S SS

36. Sesi pengiraan undi patut dihadiri oleh setiap calon. 1 2 3
4 5

37. Saya mengetahui keputusan melalui:

a) Tempat pengumuman pemenang. 1 2 3
4 5

b) Rakan-rakan. 1 2 3
4 5

c) Internet. 1 2 3
4 5

d) Laporan akhbar. 1 2 3
4

39. Saya sedar bahawa pilihanraya kampus merupakan persediaan **Ya**
Tidak

untuk saya menghadapi pilihanraya sebenar.

Ya

Tidak

40. Pilihanraya kampus UTM dijalankan dengan cekap dan berkesan.

Jika tidak mengapa ?

LAMPIRAN A:**Jadual Penentuan Saiz Sampel Berdasarkan Populasi**

Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel
10	10	220	140	1200	291
15	14	230	144	1300	297
20	19	240	148	1400	302
25	24	250	152	1500	306
30	28	260	155	1600	310
35	32	270	159	1700	313
40	36	280	162	1800	317
45	40	290	165	1900	320
50	44	300	169	2000	322
55	48	320	175	2200	327
60	52	340	181	2400	331
65	56	360	186	2600	335
70	59	380	191	2800	338
75	63	400	196	3000	341
80	66	420	201	3500	346
85	70	440	205	4000	351
90	73	460	210	4500	354
95	76	480	214	5000	357
100	80	500	217	6000	361
110	86	550	226	7000	364
120	92	600	234	8000	367
130	97	650	242	9000	368
140	103	700	248	10000	370
150	108	750	254	15000	375
160	113	800	260	20000	377
170	118	850	265	30000	379
180	123	900	269	40000	380
190	127	950	274	50000	381
200	132	1000	278	75000	382
210	136	1100	285	100000	384

Sumber : Krejcie, R.V and Morgan D.W. Determining Sample Size For Research

Education and Psychological Measurement, 1970, 30, 607-610

Hal ini dapat dibuktikan apabila melalui laporan yang diperolehi hasil perbincangan bersama pegawai di Pejabat Hal Ehwal Pelajar, UTM menunjukkan bahawa peratusan mahasiswa yang keluar mengundi pada hampir kesemua pilihanraya yang diadakan di kampus universiti ini masih berada pada tahap yang rendah. Maklumat tentang pertusan pelajar yang keluar mengundi semasa pemilihan wakil MPP UTM dapat dilihat seperti jadual 1.1 :

Jadual 1.1 : Peratusan pelajat UTM yang keluar mengundi dalam pilihanraya kampus dari tahun 2000 hingga 2004

Bil	Tahun	% Pelajar Keluar Mengundi
2	2001	
3	2002	
4	2003	55.72
5	2004	64.54